

# **الشَّرِيعَة**

**للسنة الأولى**

**القسم الثاني**

**فقه العبادات**

## **فهرس**

١	الدرس السابع : الطهارة
٦	الدرس الثامن : النجاسة
١٠	الدرس التاسع : الاستنجاء
١٥	الدرس العاشر : الوضوء
٢٤	الدرس الحادي عشر: الغسل
٣١	الدرس الثاني عشر : التيمم
٣٩	الدرس الثالث عشر : الحيض والنفاس والاستحاضة
٤٤	الدرس الرابع عشر : الصلاة

**BERSUCI**

*Toharah* (bersuci) dari sudut **bahasa**: Membersihkan dan menghilangkan kotoran.

*Toharah* (bersuci) dari sudut **istilah syarak**: Perbuatan yang membolehkan solat itu ditunaikan dan ibadat yang seumpamanya seperti wuduk, tayammum dan menghilangkan najis dari pakaian, tubuh badan dan tempat.

Bersuci itu ada kalanya berbentuk mengangkat hadas. seperti: Wuduk atau membolehkan solat dilaksanakan seperti tayammum. Ada kalanya berbentuk menghilangkan najis.

**Pensyariatan bersuci**

Islam amat mengambil berat tentang bersuci dan menjadikannya sebagai syarat bagi kebanyakan ibadat. Wuduk adalah syarat sah solat dan tawaf. Suci daripada haid dan nifas adalah syarat sah puasa dan membaca al Quran.

Firman Allah swt:

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri”.

(surah al Baqarah : 222)

**Perbendaharaan kata:**

**التَّوَّابِينَ** (الْتَّوَّابِينَ) Orang yang bertaubat daripada dosa sekalipun mereka mengulangi perbuatan tersebut.

**الْمُتَطَهِّرِينَ** (الْمُتَطَهِّرِينَ) orang yang menyucikan diri daripada kekotoran dan perkara keji.

**الطهارة**

الطهارة لغة : النظافة والتخلص من الأدنس

الطهارة شرعا : فعل ما تستباح به الصلاة وما في معناها كالوضوء والتيمم وإزالة النجاسة عن الثوب والبدن والمكان.

فالطهارة قد تكون رفعا للحدث مثل الوضوء، أو استباحة للصلاة مثل التيمم، وقد تكون إزالة للنجاسة

**مشروعية الطهارة**

اهتم الإسلام بالطهارة فجعلها شرطا لكثير من العبادات. فالوضوء شرط لصحة الصلاة والطواف. والطهارة من الحيض والنفاس شرط لصحة الصوم وقراءة القرآن.

قال الله جل جلاله في القرآن الكريم: إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ  
سورة البقرة : (٢٢٢)

**معاني المفردات**

**الْتَّوَّابِينَ** : الآئين من الذنب وإن تكرروا

**الْمُتَطَهِّرِينَ** : المتنزهين عن الأقدار والأذى

**حكم الطهارة**

فينقسم إلى قسمين

**١. الطهارة برفع الحدث :**

يختلف حكم الطهارة برفع الحدث من عبادة لأخرى، فقد تكون واجبة كالوضوء للصلوة والطواف. وقد تكون مندوبة كالوضوء لذكر الله والنوم

**٢. الطهارة بإزالة النجاسة**

ال المسلم يجب دائما على الطهارة من النجاسة. فالمسلم يحافظ على طهارة بدنه وشعره وثيابه ومكانه وطعامه وشرابه من الأدناه والأقدار لأن الطهارة من مظاهر الإيمان كما قال رسول الله ﷺ : الطهور شطر الإيمان. (رواه مسلم)

**أدوات الطهارة :**

١. الماء المطلق
٢. التراب في التيم
٣. الأحجار وما يقوم مقامها من الأشياء القالعة للنجاسة في الاستنجاء
٤. الأشياء النازعة لفصول الجلد في الدبغ مثل الشب والملح

**أقسام المياه**

تنقسم المياه حسب وصفها وحكمها إلى خمسة أقسام :

الماء المطلق، والماء المشمس، والماء المستعمل، والماء المنتجس، والماء المتغير.

**Hukum bersuci**

Hukum bersuci terbahagi kepada dua bahagian

**1. Bersuci dengan mengangkat hadas**

Hukum Bersuci dengan mengangkat hadas berbeza dengan ibadat lain. ada kala ianya menjadi wajib seperti berwuduk untuk solat dan tawaf dan ada kala ianya menjadi sunat seperti berwuduk untuk berzikir dan tidur.

**2. Bersuci dengan menghilangkan najis**

Orang Islam wajib sentiasa suci dari najis. Orang Islam perlu menjaga kesucian pada badan, rambut (bulu-bulu), pakaian, tempat, makanan dan minuman daripada najis dan kotoran kerana suci itu adalah antara tanda-tanda keimanan, sebagaimana Rasulullah saw bersabda: "Bersuci itu sebahagian daripada iman". (hadis riwayat Muslim)

**Peralatan bersuci :**

١. Air mutlak
٢. Tanah untuk bertayammum
٣. Batu dan seumpamanya daripada sesuatu yang boleh menghilangkan najis ketika beristinjak
٤. Perkara yang boleh menghakis untuk memisahkan kulit ketika samak (sertu).seperti tawas dan garam

**Bahagian air**

Air mengikut sifat dan hukumnya terbahagi kepada lima bahagian:

١. Air mutlak
٢. Air yang terdedah kepada panas matahari
٣. Air yang telah digunakan
٤. Air najis
٥. Air yang berubah sifatnya

**١. الماء المطلق****1. Air Mutlak**

Definisinya: Air yang kekal dengan sifat asalnya yang diciptakan Allah swt

Contoh :

Air laut, air telaga, air sungai, hujan, salji dan setiap yang turun dari langit atau yang keluar dari bumi

Hukumnya:

Ianya suci dan boleh menyucikan yang lain, tidak makruh menggunakannya untuk mengangkat hadas dan menghilangkan najis.

Firman Allah swt:

“dan Allah menurunkan kepadamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengan hujan itu”. (surah al Anfal 11)

**2. Air Musyammas**

Definisinya: Air yang menjadi panas kesan daripada sinaran matahari.

Syarat-syaratnya:

1. Air yang terdedah pada kepanasan matahari itu berada di negara yang teramat panas
2. Ia berada dalam bekas yang ditempa (dipebuat daripada logam) seperti besi, tembaga dan timah kecuali emas dan perak
3. Ia digunakan pada tubuh badan

Hukumnya:

Ianya suci dan boleh menyucikan yang lain. Makruh menggunakannya pada tubuh badan.

**\*\* Info penting**

Air terkesan dengan apa yang disebut dan disampaikan padanya, sekiranya perkara tersebut baik maka ia adalah baik dan sekiranya jahat/buruk maka ia adalah jahat. Ini adalah dari kajian yang dilakukan oleh saintis Jepun (Masaru Imoto).

تعريفه: هو الماء الباقي على صفتة التي خلقه الله عليها

أمثلته : ماء البحر وماء البئر وكل ما نبع من الأرض أو نزل من السماء.

حكمه : ظاهر في نفسه مطهر لغيره غير مكروه استعماله في رفع الحدث وإزالة النجاسة.

قال الله تعالى: **وَيُنَزَّلُ عَلَيْكُم مِّنَ السَّمَاءِ مَا يُطَهِّرُكُم بِهِ** (سورة الأنفال : ١١)

**٢. الماء المشمس**

تعريفه : هو الماء المسخن بتأثير الشمس فيه  
شروطه :

• أن يكون التشمس في البلاد شديدة الحرارة

• أن يكون في الأواني المنطبعة كالحديد والتحاس والرصاص إلا الذهب والفضة

• استعماله في البدن

حكمه : ظاهر في نفسه، مطهر لغيره، مكروه استعماله في البدن.

المعلومات قىمك

إن الماء يتأثر بما يذكر ويلقى إليه، إن خيرا فخير وإن شرا فشر. وذلك من التجارب الذي أجراه العالم الياباني (ماسارو إيموتو).

**3. Air Musta'mal**

Definisinya: Air yang sedikit dan telah digunakan pada bersuci yang wajib

Contoh :

Air basuhan pertama pada anggota wuduk dan mandi wajib

Hukum penggunaanya:

Ianya suci dan tidak boleh menyucikan yang lain. Tidak harus / tidak boleh menggunakan untuk mengangkat hadas dan menghilangkan najis.

**4. Air Mutaghayyir**

Air Mutaghayyir terdapat dua jenis:

1. Air yang berubah kerana bercampur dengan bahan-bahan suci yang biasanya tidak ada di dalam air.

Contoh : Kopi dan teh

Hukum penggunaanya:

Ianya suci dan tidak boleh menyucikan yang lain. Tidak harus / tidak boleh menggunakan untuk mengangkat hadas dan menghilangkan najis.

2. Air Mutlak yang berubah kerana bercampur dengan bahan-bahan suci yang biasanya ada di dalam air.

Contoh :

- Air yang berubah dengan sebab tanah atau belerang di tempat simpanan air atau sungai
- Air yang berubah kerana lamanya tempoh air berada di tempat tersebut

Hukum menggunakan:

Ianya suci dan boleh menyucikan yang lain., tidak makruh menggunakan untuk mengangkat hadas dan menghilangkan najis.

Contoh air mutaghayyir

1. Air mutlak
2. Dicampurkan dakwat ke dalam air mutlak
3. Air mutlak berubah lalu menjadi air mutaghayyir.

**٣. الماء المستعمل**

تعريفه: الماء القليل المستعمل في فرض الطهارة

أمثلته: الغسلة الأولى في الوضوء والغسل الواجب

حكمه : ظاهر في نفسه غير مطهر لغيره فلا يجوز استعماله في رفع الحدث وإزالة النجاسة.

**٤. الماء المتغير**

وهو نوعان

١ . الماء المتغير بما خالطه من الطاهرات التي يستغني عنها الماء عادة

أمثلته : القهوة والشاي

حكمه : ظاهر في نفسه، غير مطهر لغيره، فلا يجوز استعماله في رفع الحدث وإزالة النجاسة.

٢ . الماء المطلق المتغير بما خالطه من الطاهرات التي لا يستغني عنها الماء عادة

أمثلته : - الماء المتغير بالتراب أو الكبريت في مقر الماء أو الأهmar.

- الماء المتغير بطول مكنته في مقره.

حكمه : ظاهر في نفسه مطهر لغيره غير مكروه استعماله في رفع الحدث وإزالة النجاسة.

أمثلة الماء المتغير:

١. الماء المطلق

٢. احتلط الحبر في الماء المطلق

٣. الماء المطلق يتغير فيصير الماء المتغير

## 5. Air Mutanajjis

Air Mutanajjis ada dua jenis:

1. Air yang dimasuki najis dan ianya kurang dua kolah
  2. Air yang sampai dua kolah atau lebih, tetapi telah berubah salah satu daripada tiga sifatnya iaitu warna, rasa dan bau.

Kadar dua kolah :

- Mengikut timbangan ialah 192 857 kilogram.
  - Mengikut sukatan ialah 216 liter

Hukum menggunakannya:

Tidak harus / tidak boleh menggunakannya untuk mengangkat hadas dan menghilangkan najis. Tidak boleh juga digunakan pada selain daripada keduanya seperti minum dan makan.

**Hikmah disyariatkan bersuci**

Antara hikmah disyariatkan bersuci

1. Seseorang itu menjadi suci dan bersedia untuk bermunajat pada tuhannya dalam keadaan yang paling baik
  2. Terhasilnya kebersihan yang merupakan antara sebab yang dapat menarik kemesraan dan kasih sayang
  3. Tubuh badan yang bersih akan menjadi cergas, aktif, dapat melenyapkan rasa hilang tumpuan dan perasaan malas.
  4. Memelihara masyarakat dari tersebarnya pelbagai penyakit
  5. Memperolehi kasih sayang Allah swt dan mendapat keredhaanNya

\*\* Renungan

Rasulullah saw bersabda: "Janganlah salah seorang dari kamu sekalian kencing di air yang bertakung yang tidak mengalir kemudian ia mandi padanya".

(hadis riwayat Bukhari)

## ٥. الماء المتنجس

## نوعان هو

- ١) ما حلت به النجاسة وهو دون قلتين

٢) ما بلغ قلتين فأكثر فتغير بسبب النجاسة أحد أوصاف الماء الثلاثة : اللون، أو الطعم، أو الريح.

و القلتين :

- بالوزن : مائة واثنان وتسعون كيلو غراما وثمان مائة وسبعة وخمسون غراما (192.857 كيلو غرام)

- بالمكيل : مائتان وسعة عشر لترا (216 لترا)

حكمه : لا يجوز استعماله في رفع الحدث وإزالة النجاسة، ولا في غيرهما كالشرب والأكل.

الحكمة في مشروعية الطهارة

من حكم مشروعية الطهارة:

١. صار المتظاهر متلهياً لمناجاة ربه في أحسن هيئة
  ٢. حصول النظافة التي هي من الأسباب الجالبة للألفة والحبة
  ٣. الجسم يكتسب بالطهارة حيوية ونشاطاً ويده布 عنه الفتور والكسل
  ٤. صيانة المجتمع من انتشار الأمراض المختلفة
  ٥. ناصحة للشّعوب والفقيرين

قال رسول الله: لا يبولن أحدكم في الماء الدائم الذي لا يجري ثم يغتسل فيه.  
(آخر جه البخاري)

**NAJIS****Definisi Najis**

**Najasah** dari sudut **bahasa** : Semua kotoran

**Najasah** dari sudut istilah **syarak** : Kotoran yang menghalang sah solat yang tidak diberi kelonggaran syarak seperti darah dan air kencing.

**Dalil disyariatkan menyucikan najis**

Pada suatu hari Rasulullah saw duduk bersama para sahabatnya. Lalu seorang arab badwi datang dan kencing di dalam masjid, maka orang ramai mengherdiknya. Lalu Rasulullah saw berkata: Tinggalkanlah dia dan siramlah atas tempat air kencing itu dengan sebekas air.

(hadis riwayat Bukhari)

\*\* perbendaharaan kata

(الإرقة) adalah daripada perkataan (أريقو) asal perkataan : (أهريقو) هـ adalah huruf tambahan.

: bekas air

Arahan Rasulullah saw dalam kisah ini kepada para sahabat agar membasuh kencing arab badwi itu dengan menjiruskannya ke arah padanya. Perkara tersebut menunjukkan pensyariatan menyucikan najis. Perintah dari Rasulullah saw ini menunjukkan wajib. Maka setiap muslim wajib bersuci daripada najis.

\*\* saya sentiasa menjaga kebersihan tubuh badan, pakaian, rumah dan sekolah saya. Adakah awak begitu juga?

**Bahagian Najis**

Najis terbahagi kepada tiga bahagian:

**النجاسة****تعريف النجاسة**

النجاسة لغة : كل مستقدر

و النجاسة شرعا : مستقدر يمنع صحة الصلاة، حيث لا مرخص كالدم والبول.

**مشروعية تطهير النجاسة**

ذات يوم، جلس رسول الله ﷺ مع أصحابه رضي الله عنه. ف جاء أعرابي ف قال في المسجد. فزجره الناس، فقال رسول الله ﷺ : دعوه، وأهريقو على بوله ذنوبا من ماء. (رواه البخاري)

**\* معاني المفردات**

أهريقو : أصله أريقو من الإرقة فالهاء زائدة .

ذنويا : دلوا

أمر الرسول ﷺ في هذه القصة الأصحاب أن يغسلوا بول الأعرابي بسب الماء عليه. فدل ذلك على مشروعية التطهير من النجاسة. والأمر من الرسول ﷺ يدل على الوجوب، فيجب على كل مسلم أن يتطهر من النجاسات.

\*\* أحرص على نظافة بدني وثوابي وبيتي ومدرستي، هل أنت كذلك ؟

**أقسام النجاسة**

تنقسم النجاسة إلى ثلاثة أقسام :

**1) Najis Ringan**

Ia adalah air kencing kanak-kanak lelaki yang belum makan selain susu ibu dan belum sampai usia dua tahun. Adapun air kencing kanak-kanak perempuan atau air kencing kanak-kanak lelaki yang telah makan makanan yang lain dari susu ibu atau air kencing kanak-kanak lelaki yang telah melebihi usia dua tahun maka semuanya adalah *najasah mutawassitah* (najis sederhana).

**Cara menyucikannya :**

Merenjaskan air di tempat air kencing itu dengan cara renjisan itu meratai seluruh tempat najis tanpa perlu mengalirkan air.

**Dalilnya:**

Ummu Qais binti Mihsan r.ha telah datang bertemu Rasulullah saw bersama anak lelakinya yang kecil dan masih belum makan makanan. Lalu Rasulullah saw meletak anak kecil itu di ribanya. Anak kecil itu telah kencing pada pakaian Rasulullah saw, lalu baginda meminta air kemudian merenjisnya dan tidak membasuhnya.  
(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

**\*\* info penting**

Terdapat banyak najis yang dimaafkan, ianya banyak antaranya:

1. Darah, nanah, darah kutu dan tahi lalat yang sedikit.
2. Darah dan nanah luka walaupun banyak, dengan syarat ia berasal dari orang itu sendiri, bukan dengan tindakannya sendiri dan sengaja melakukannya, dan tidak melebihi tempat yang biasa sampai.
3. Darah yang ada apa daging.

**2) Najis Sederhana**

Ia adalah najis selain anjing atau babi dan bukan juga air kencing kanak-kanak lelaki yang belum makan selain susu ibu. Contoh najis ini ialah air kencing manusia, tahi binatang dan darah.

**١) المخفة**

وهي بول الصبي الذي لم يطعم إلا اللبن ولم يبلغ سنتين من عمره. أما بول الصبية أو بول الصبي الذي يطعم غير اللبن أو بول الصبي الذي يتجاوز سنتين من عمره، فكلها من النجاسة المتوسطة.

**وكيفية تطهيرها** هي رش الماء عليها، بحيث يعم الرش جميع موضع النجاسة من غير سيلان.

ودليل ذلك أن أم قيس بنت محسن رضي الله عنها أتت بابن لها صغير لم يأكل الطعام إلى رسول الله ﷺ فأجلسه رسول الله ﷺ في حجره فبأله على ثوبه. فدعا بماء فنضجه ولم يغسله. (متفق عليه)

**\* معلومات همك**

هناك النجاسات المغفو عنها وهي كثيرة منها:

١. اليسير من الدم والقيح ودم البراغيث وونيم الذباب.
٢. الدم وقيح الجروح ولو كان كثيرا، بشرط أن يكون من الإنسان نفسه، ولا يكون بفعله وتعمده، ولا يجاوز محله المعتمد وصوله إليه.
٣. الدم الذي في اللحم.

**٢) المتوسطة**

وهي نجاسة غير الكلب والخنزير، وغير بول الصبي الذي لم يطعم إلا اللبن، وذلك مثل بول الإنسان، وروث الحيوان، والدم.

**Cara menyucikannya:**

Disiram ke atasnya air sehingga hilang zat dan sifatnya iaitu warna, rasa dan baunya.

**Dalilnya:**

Hadis yang diriwayatkan daripada Anas r.a berkata: Adalah nabi saw ketika buang air besar, aku bawakan kepada baginda air untuk bersuci.

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

**3) Najis Berat**

Ia adalah najis anjing dan babi serta yang lahir dari kedua-duanya atau salah satu dari keduanya.

**Cara menyucikannya:**

Dibasuh tujuh kali (dengan air mutlak) dan salah satunya air bercampur tanah

**Dalilnya:**

Sabda Rasulullah saw : "Menyucikan bekas di kalangan kamu sekiranya ia dijilat anjing hendaklah dengan cara membasuhnya 7 kali, basuhan pertama dengan air bercampur tanah".  
(hadis riwayat Muslim)

**\*\* Renungan**

Para saintis telah menemui bahawa tanah mengandungi bahan tertentu, jika ia bercampur dengan bakteria dan kuman, maka ia akan mematikannya serta merta. Air liur anjing mengandungi bahan yang berbahaya kepada manusia, dan tidak boleh menghilangkannya kecuali dengan tanah.

**Praktikal cara membersihkan najis**

Sebelum melaksanakannya, kita perlu pastikan dua perkara berikut:

وكيفية تطهيرها هي صب الماء عليها حتى زالت عينها وذهبت صفاتها من لون وطعم وريح.

ودليل ذلك ما روي عن أنس بن مالك رضي الله عنه، قال: كان النبي ﷺ إذا تبرز حاجته، أتيته بماء فيغسل به. (متفق عليه)

**٣) المغلوظة**

وهي الكلب والخنزير، وما تولّد منها أو من أحدهما.

وكيفية تطهيرها هي غسلها سبع مرات إحداها بالتراب.

ودليل ذلك قول الرسول ﷺ : طهور إناء أحدكم إذا ولغ فيه الكلب أن يغسله سبع مرات أولاهن بالتراب. (رواه مسلم)

**\*\* التذكرة:**

لقد اكتشف العلماء عن التراب بأنه يحتوي مواداً إذا احتللت مع البكتيريا والجراثيم، قضت عليها فوراً. ولعاب الكلب يحمل مواداً ضاراً للإنسان، ولا يمكن إزالتها إلا بالتراب.

**تطبيق تطهير النجاسة**

قبل التطبيق، علينا أن نتأكد من هذين الأمرين :

1. Adanya najis itu dengan yakin. Sekiranya tidak yakin najis itu ada, maka tidak perlu untuk membersihkannya kerana asal sesuatu seperti tanah, pakaian, peralatan rumah dan seumpamanya adalah kekal suci nya. Maka tidak perlu seorang muslim itu syak atau ragu-ragu kesuciannya.
2. Menentukan jenis najis, sama ada ianya najis ringan, najis sederhana atau najis berat.

#### \*\* info penting

Tidak wajib mengeringkan air kencing budak lelaki dengan tisu, kerana menghilangkan zat najis itu bukanlah syarat pada menyucikan najis ringan.

#### Cara membersihkan najis ringan

Kencing kanak-kanak : merenjiskan air mutlak di atas air kencing itu sehingga meratainnya

#### Cara membersihkan najis sederhana

##### Darah:

1. Menghilangkan darah dengan apa-apa cara yang sesuai
2. Disiram air mutlak pada kain sehingga hilang sifat-sifat darah iaitu warna, rasa dan bau.

#### Cara membersihkan najis berat

##### Tahi anjing :

1. Disiram air bercampur tanah di atas kasut tersebut sekali sahaja
2. Menghilangkan tahi anjing dengan apa-apa cara yang sesuai
3. Disiram air mutlak pada kasut tersebut 6 kali

١. وجود النجاسة بيقين. فإن لم تيقن من وجودها، فلا حاجة إلى تطهيرها، لأن الأصل في الأشياء كالأرض والملابس والمفروشات ونحوها باقية على طهارتها. فلا ينبغي للمسلم أن يشك أو يووسوس في طهارتها.

٢. تعين نوع النجاسة، سواءً كانت مخففة أم متوسطة أم مغلظة

#### \*\* معلومات تحكم

لا يجب تنضيف بول الصبي بالمنديل لأن إزالة عين النجاسة ليست بشرط في تطهير النجاسة المخففة.

#### كيفية تطهير النجاسة المخففة

**بول الصبي :** يُرشّ على البول الماء المطلق حتى يعممه.

#### كيفية تطهير النجاسة المتوسطة

**الدم :**

- ١) إزالة الدم بأي كيفية تناسبها.
- ٢) يصب الماء المطلق على الثوب حتى تزول صفات الدم من لون وطعم وريح.

#### كيفية تطهير النجاسة المغلظة.

**روث الكلب :**

- ١) يصب التراب المحتلط بالماء على الحذاء مرتّة
- ٢) إزالة روث الكلب بأي كيفية تناسبها
- ٣) يصب الماء المطلق على الحذاء ست مرات

**ISTINJAK**

**Definisi istinjak** (membersih najis)

*Istinjak* dari sudut bahasa : Selamat iaitu terhindar daripada penyakit, atau bukit iaitu kawasan tanah tinggi, atau sisa buangan iaitu sesuatu yang keluar dari dubur.

*Istinjak* dari sudut istilah syarak : Menghilangkan sesuatu yang keluar dari dua saluran (qabul atau dubur), sama ada dengan membasuh atau menyapu dengan batu dan seumpamanya pada tempat keluar najis dan kawasan yang berhampiran dengannya.

*Istinjak* juga dinamakan *istitobah* (membersih najis) dan *istijmar* sekiranya menggunakan batu.

#### Pensyariatan *Istinjak*

Antara dalil disyariatkan *Istinjak* :

1. Firman Allah swt:

“Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)”

(surah at Taubah : 108)

Ketika diturunkan ayat ini, Rasulullah saw bersabda : Wahai kaum Ansar, sesunguhnya Allah swt telah memuji kamu dalam urusan bersuci. Dengan apakah kamu semua bersuci?. Mereka menjawab: Kami berwuduk untuk solat, kami mandi janabah dan kami menyucikan najis dengan air. Baginda berkata: Itulah caranya, maka hendaklah kamu lakukan perkara tersebut.

(hadis riwayat Ibnu Majah)

2. Rasulullah saw bersabda : Apabila seorang daripada kamu keluar untuk membuang air besar, maka bawalah bersamanya tiga biji batu untuk bersuci dengannya, kerana sudah memadai bersuci dengan batu-batu tersebut.

(Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasai, Ibnu Majah dan Daraqutni)

#### الاستنجاء

#### تعريف الاستنجاء

الاستنجاء لغة : النجاء وهو الخلاص من الأذى، أو النحوة: وهي المرتفع عن الأرض، أو النحو: وهو ما يخرج من الدبر.

الاستنجاء شرعاً : إزالة ما يخرج من السبيلين، سواء بالغسل أو المسح بالحجارة ونحوهما عن موضع الخروج وما قرب منه.

ويسمى الاستنجاء استبطانة، واستجمارا إن كان بالحجارة.

#### مشروعية الاستنجاء

ومن الأدلة على مشروعية الاستنجاء:



قول الله تعالى : ﴿فِيهِ رِجَالٌ تُهْبِطُونَ أَن يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ تُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ﴾

(سورة التوبة ٩ : ١٠٨)

فلما نزلت هذه الآية، قال رسول الله ﷺ :

يا معشر الأنصار، إن الله قد أثني عليكم في الطهور، فما طهوركم؟. قالوا: نتوضاً للصلوة، ونغسل من الجنابة، ونستنجي بالماء. قال: فهو ذاك، فعليكموه.

(رواه ابن ماجه)

٢. قول رسول الله ﷺ : "إذا ذهب احدكم إلى الغائط فليذهب بثلاثة أحجار يستطيب بهن، فإنها يجزئ عنه.

(رواه أحمد وأبو داود والنسائي وابن ماجه والدارقطني)

## Hukum beristinjak

Hadis ini menunjukkan secara jelas pensyariatan Istijmar iaitu istinjak dengan batu. Istinjak itu wajib pada najis yang keluar dari qubul (kemaluan depan) atau dubur (kemaluan belakang), walaupun yang keluar itu adalah jarang berlaku seperti darah. Cara paling baik adalah dimulakan dengan beristinjak dengan batau dan seumpamanya kemudian gunakan air, kerana batu itu menghilangkan zat najis dan air menghilangkan kesan najis tanpa bercampur dengannya.

### Syarat-syarat beristinjak

Sekiranya menghadkan pada salah satu daripada keduanya, maka air adalah lebih baik, kerana ia menghilangkan zat najis dan kesannya, berbeza dengan perkara lain.

Harus beristinjak dengan air mutlak. Ia adalah asal pada menyucikan najis, juga diharuskan beristinjak dengan setiap benda beku dan kasar yang dapat menghilangkan najis seperti batu dan kertas dan sebagainya.

Disyaratkan beristinjak dengan air itu ialah air mutlak, bukan air *musta'mal* (yang telah digunakan) dan tidak juga air *mutanajjis* (bercampur najis).

**Disyaratkan beristinjak dengan sesuatu selain daripada air** adalah seperti berikut:

- 1- Sesuatu yang digunakan untuk beristinjak itu adalah suci.
- 2- Sesuatu yang digunakan untuk beristinjak itu dapat menghilangkan najis. Tidak boleh beristinjak dengan kaca kerana ia licin dan tidak menghilangkan najis.
- 3- Sesuatu yang digunakan untuk beristinjak itu tidak dimuliakan. Tidak boleh beristinjak dengan roti dan tulang.
- 4- Menggunakan benda tersebut sebelum kering najis yang keluar dari qubul atau dubur.
- 5- Najis yang keluar itu tidak melebihi daripada papan punggung atau *hasyafah zakar* dan perkara yang seumpamanya pada tempat keluar kencing bagi perempuan (*faraj*).
- 6- Tidak berpindah (najis) dari tempat keluar najis semasa ia keluar.
- 7- Tidak kurang sapuan itu daripada tiga batu atau perkara yang menggantikannya. Termasuk dalam erti batu-batu tersebut ialah tiga bucu batu.

## حُكْمُ الاستنجاء

هذا الحديث يدل صراحة على مشروعية الاستنجاء وهو الاستنجاء بالحجارة. الاستنجاء واجب من كل خارج من القبل أو الدبر، ولو كان الخارج نادراً كالماء. والأفضل أن يستنجي أولاً بالحجر ونحوه، ثم يستعمل الماء، لأن الحجر يزيل عين النجاسة والماء بعده يزيل أثرها دون أن يخلطها.

## شروط الاستنجاء

وإن اقتصر على أحدهما فالماء أفضل، لأنه يزيل العين والأثر، بخلاف غيره.

يجوز الاستنجاء بالماء المطلق، وهو الأصل في التطهير من النجاسة كما يجوز بكل حامد خشن يمكن أن يزيل النجاسة، كالحجر والورق ونحو ذلك.

يشترط في الاستنجاء بالماء أن يكون ماء مطلقاً، لا مستعملاً ولا متنجساً.

يشترط في الاستنجاء بغير الماء ما يلي:

١. أن يكون المستنجي به ظاهراً.
٢. أن يكون المستنجي به قالعاً للنجاسة، فلا يجوز الاستنجاء بالزجاج لأنه أملس ولا يزيل النجاسة.
٣. أن يكون المستنجي به غير محترم، فلا يجوز الاستنجاء بالخنزير والعظيم.
٤. أن يستعمله قبل أن يجف الخارج من القبل أو الدبر.
٥. أن لا يجاوز الخارج صفحة الآلة أو حشفة الذكر وما يقابلها من مخرج البول عند الأنثى.
٦. ألا ينتقل عن محل الذي أصابه نحس أثناء خروجه.
٧. ألا تقل المسحات عن ثلاثة أحجار أو ما ينوب منهاها، وفي معناها ثلاثة أطراف حجر.

## \*\* Info Penting

Tisu kertas boleh digunakan untuk beristinjaq, tetapi berusahalah agar dapat beristinjaq dengan air sekiranya mampu. Pada tahun 1963, di Dundee, England, telah berlaku penyakit Typhoid yang merebak dengan begitu cepat. Seluruh masyarakat telah melakukan pelbagai usaha untuk menghentikan penyebaran penyakit ini. Pada akhirnya, para saintis sepakat untuk memberi amaran/peringatan kepada orang ramai agar tidak menggunakan kertas di tandas dan menggantikannya dengan air bagi menghentikan penyebaran penyakit berjangkit ini. Orang ramai menyahut saranan tersebut. suatu kejutan besar, wabak itu benar-benar telah berhenti dan dapat mengekangnya.

Perkara yang harus/boleh beristinjaq dengannya : batu, kertas dan tisu.

Perkara yang tidak boleh beristinjaq dengannya : tulang, makanan, kaca dan tin.

### Hikmah disyariatkan istinjaq

Disyariatkan istinjaq kerana beberapa hikmah, antaranya:

1. Terselamat daripada salah satu penyebab azab kubur.

suatu hari Rasulullah saw melintasi dua kubur, lalu baginda berkata,: "Sesungguhnya mereka berdua sedang diseksa, kedua-duanya tidaklah diseksa disebabkan perkara yang besar (menurut pandangan kamu) . Salah seorangnya diseksa kerana tidak membersihkan dengan sempurna ketika membuang air kecil, manakala seorang lagi suka mengadu domba antara manusia."

(hadis riwayat Bukhari)

**Tidak membersihkan dengan sempurna air kencing** itu termasuklah orang yang membuang air kecil dengan cepat sebelum habis keluar semua air kencingnya atau orang yang meninggalkan Istinjaq atau mengabaikannya.

2. Tahi dan air kencing adalah antara benda kotor bagi orang yang normal. Hikmah ini menuntut supaya perlunya dihilangkan kedua-dua najis tersebut.

## \*\* معلومات تهمك

المنديل الورقي يجوز الاستنجاء به، ولكن حاول أن تستنجي بالماء ما استطعت. وقد حدث في عام ١٩٦٣ في داندي (Dundee) إنجلترا، انتشار مرض التيفود (Typhoid) بشكل عاصف. وبذل الجميع طاقاتهم لوقف انتشار المرض. وفي النهاية، اتفق علماء العلوم على تحذير الناس عن استعمال الأوراق في دورات المياه، واستبدالها باستخدام المياه لوقف انتشار العدوى. وللعجب الشديد، توفرت انتشار الوباء فعلاً وقت محاصرته.

الأشياء التي يجوز الاستنجاء بها : الحجارة والورق والمنديل

الأشياء التي لا يجوز الاستنجاء بها : العظم والطعام والزجاجة والعلب

### الحكمة في مشروعية الإستنجاء.

شرع الإستنجاء لحكم متعددة، منها :

1. النجاة من إحدى أسباب عذاب القبر

مر النبي ﷺ بقبرين فقال: إهْمَا لِيغَدِيَنَّ، وَمَا يَعْدِيَنَّ فِي كَبِيرٍ. أَمَا أَحَدُهُمَا،  
كَانَ لَا يَسْتَرِّ مِنَ الْبَوْلِ. وَأَمَا الْآخَرُ، فَكَانَ يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ.

(رواه البخاري)

وعدم الاستئثار من البول يشمل من يقوم من حاجته بسرعة قبل أن ينقطع  
بوله، أو من يترك الاستنجاء أو يهمله.

2. الغائط والبول من المستقدرة للطبائع السليمة. فاقتضت الحكمة من الأمر  
يماز التهمما.

3. Istinjaq adalah cara yang cukup baik dari sudut perubatan dan pencegahan (penyakit) yang berkesan. Ilmu parasitology menyatakan Istinjaq adalah cara yang terbaik untuk melindungi daripada tersebarnya penyakit parasit kepada orang lain dan menghalang bentuk jangkitan daripada terkena kepada orang lain.
4. Istinjaq adalah antara cara menghilangkan kotoran yang akan dapat menyihatkan diri dan masyarakat.
5. Mendapat kasih sayang Allah dan keredhaanNya, kerana firman Allah swt: "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri".  
(surah al Baqarah : 222)

### Pelaksanaan amali (cara beristinjaq)

#### 1. Cara istinjaq dengan air

Dibasuh tempat keluar najis dengan air mutlak sehingga hilang zatnya dan hilang sifat-sifatnya iaitu warna, rasa dan bau. Cara yang paling baik ialah menyiram air dengan tangan kanan dan menggosok tempat keluar najis dengan tangan kiri. Kemudian basuh tangan dengan baik selepas itu.

#### 2. Cara istinjaq dengan batu (*istijmar*)

Istijmar boleh dilakukan dengan perbagai cara, tetapi yang paling sempurna ialah menyapu batu mula dari hadapan papan punggung kanannya hingga ke hujungnya kemudian menyapu pada papan punggung kirinya hingga ke tempat ianya bermula. Seterusnya menyapu batu kedua dari hadapan papan punggung kirinya seperti itu juga. Kemudian menyapu batu ketiga pada dubur dan kedua papan punggung (kawasan berhampiran dubur). Sekiranya tidak suci lagi tempat itu maka hendaklah ditambah bilangannya. Disunatkan melakukannya pada jumlah yang ganjil seperti lima atau tujuh dan seumpamanya.

٣. الاستنجاء عملية مفيدة طبية وقائية عظيمة. أثبت علم الطفيلييات أن الاستنجاء حير وسيلة للحفاظ من انتشار الأمراض الطفيلية لآخرين وقطع سبل العدوى من مصاب غيره.

٤. الاستنجاء من أساليب إزالة القاذورات التي تعافها النفوس والمجتمع.

٥. نيل محبة الله ورضاه لقوله الله تعالى: إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبِّ الْمُتَطَهِّرِينَ (سورة البقرة : ٢٢٢)

### التطبيق العملي

#### ١. كيفية الاستنجاء بالماء

ينغسل محل خروج الماء المطلق حتى تذهب عينه وتزول أوصافه، من لون وطعم وريح. ومن الأفضل أن يصب الماء باليد اليمنى ويدلك محل خروج النجس باليد اليسرى، ثم تغسل اليد جيداً بعد ذلك.

#### ٢. كيفية الاستنجاء بالحجارة (الاستجمamar)

يصح الاستجمamar بأية كيفية، ولكن أكملها أن يمر حجر من مقدم صفحته اليمنى إلى مؤخرها ثم يمر على صفحته اليسرى حتى يرجع به إلى الموضع الذي بدأ منه. ثم يمر الثاني من مقدم صفحته اليسرى كذلك. ثم يمر الثالث على المسروبة والصفحتين. فإن لم يظهر المحل، زيد عليها. ويسن أن يجعلها وتر، كخمسة أو سبعة، ونحوها.

Kita perlu menjauhi situasi tidak cakna dengan kebersihan tandas, antaranya:

- Tidak buang tisu dan lain-lain yang boleh menyebabkan pencemaran tandas dan tersumbat saluran air.
- Membiarkan paip air terbuka
- Melukis gambar dan menulis di pintu dan dinding tandas
- Mengabaikan kebersihan tandas selepas menggunakan.

علينا أن نتجنب مظاهر عدم الاعتناء بطهارة دورات المياه، منها:

- عدم رمي المنادل وغيرها مما يكون سببا في تلوث دورات المياه وانسداد أجهزة التصريف فيها.
- ترك صنابير المياه مفتوحة
- رسم الصور والكتابة على أبواب دورات المياه وجدرانها
- إهمال تنظيف المرحاض بعد الاستخدام.

**WUDUK****Definisi Wuduk (air sembahyang)**

*Wuduk* dari sudut **bahasa** : diambil daripada perkataan (الوضاءة) iaitu elok dan berseri-seri.

*Wuduk* dari sudut istilah **syarak** : menggunakan air pada anggota tertentu yang dimulai dengan niat.

Perkataan (الوضوء) huruf wau berbaris atas ialah nama bagi air yang digunakan untuk berwuduk.

**Pensyariatan wuduk**

Antara dalil disyariatkan wuduk :

1) Firman Allah swt :

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapulah sebahagian dari kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali”.  
(surah al Maidah : 6)

2) Sabda Rasulullah saw : “Tidak diterima solat orang yang berhadas sehingga dia berwudhuk”.  
(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

\*\* Perbendaharaan kata

apabila kamu ingin mendirikan solat  
(إِذَا قُمْتُمْ)

beserta siku  
(إِلَى الْمَرَافِقِ)

beserta dua buku lali  
(إِلَى الْكَعْبَيْنِ)

tidak sah  
(لا تقبل)

terbatal wudhuknya  
(أَحْدَثَ)

3) Ijmak ulamak

Ulamak telah sepakat tentang pensyariatan wudhuk semenjak zaman Rasulullah saw sehingga hari ini, maka ia telah menjadi perkara yang dimaklumi dalam agama.

**الوضوء****تعريف الوضوء**

الوضوء لغة : مأخوذ من الوضاءة وهي الحسن والبهجة.

الوضوء شرعا : استعمال الماء في أعضاء مخصوصة مفتوحة بنية.

والوضوء — بفتح الواو — اسم للماء الذي يتوضأ به.

**مشروعية الوضوء**

من الأدلة على مشروعية الوضوء

1 . قوله تعالى :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَيَدِيْكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ  
وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ  
سورة المائدة : ٦

2 . قول رسول الله ﷺ :

لا تقبل صلاة من أحد ث حتى يتوضأ  
(رواوه البخاري ومسلم)

\*\* معانى المفردات

إِذَا قُمْتُمْ : إذا أردتم القيام

أَحْدَثَ : انتقض وضوءه

إِلَى الْمَرَافِقِ : مع المرافق

إِلَى الْكَعْبَيْنِ : مع الكعبين

**إجماع العلماء**

انعقد إجماع العلماء على مشروعية الوضوء من لدن رسول الله ﷺ إلى يومنا هذا، فصار معلوما من الدين بالضرورة.

## \*\* info penting

Perkara asas yang telah diketahui di dalam agama ialah perkara yang tidak boleh orang Islam tidak mengetahuinya, seperti kewajipan solat, pengharaman arak, zina dan seumpamanya.

## Hukum wuduk

Diwajibkan wuduk bagi tiga perkara:

1. Solat
2. Tawaf
3. Menyentuh al Quran dan membawanya

Disunatkan berwuduk berdasarkan sabda Rasulullah saw: "dan tidaklah orang yang menjaga wuduk itu kecuali seorang yang beriman".

(hadis riwayat Ibnu Majah)

Wuduk menjadi sunat muakkad pada beberapa tempat, antaranya: membaca al Quran, berzikir pada Allah dan sebelum tidur.

## \*\* Renungan

Rasulullah saw bersabda: "Barangsiapa berwuduk seperti wudukku ini, kemudian solat dua rakaat dan tidak berbicara dalam hati [tentang urusan-urusan dunia] semasa dalam kedua rakaat tadi, maka diampuni dosa-dosanya yang telah lalu".

(hadis riwayat Bukhari)

## Syarat wuduk

Syarat wuduk ada dua jenis: Syarat wajib wuduk dan Syarat sah wuduk

### Pertama : Syarat wajib wuduk

1. **Berakal** : Tidak wajib bagi orang gila dan hilang akal kerana ia bukan mukallaf.
2. **Baligh** : Tidak wajib wuduk bagi yang belum baligh sama ada lelaki atau perempuan.

### \*\* معلومات تهمك

العلوم من الدين بالضرورة هو ما لا يسع لأحد من المسلمين جهله، كوجوب الصلاة وتحريم الخمر والزنا وما أشبه ذلك.

## حكم الوضوء

يجب الوضوء لثلاثة أشياء :

- ١) الصلاة
- ٢) الطواف
- ٣) مسح المصحف وحمله

تسن المداومة على الوضوء لقول رسول الله ﷺ : ولا يحافظ على الوضوء إلا مؤمن (أخرجه ابن ماجه)

وتتأكد سنية الوضوء في مواضع منها: قراءة القرآن وذكر الله قبل النوم.

## \*\* التذكرة

قال رسول الله ﷺ :

مَنْ تَوَضَّأَ تَحْوِيْ وُضُوئِيْ هَذَا ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ ، لَا يُحَدِّثُ فِيهِمَا نَفْسَهُ ، غُفْرَانِ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ .

## شروط الوضوء

شروط الوضوء نوعان: شروط الوجوب وشروط الصحة

### أولاً : شروط الوجوب

١. العقل : فلا يجب على المجنون والمغمى عليه لعدم التكليف
٢. البلوغ : فلا يجب الوضوء على من لم يبلغ الحلم سواء كان ذكراً أو أنثى.

**3. Mampu mendapatkan air dan menggunakan**nya : Tidak wajib bagi orang sakit yang tidak mampu menggunakan air atau mempunyai air tetapi hanya cukup untuk digunakan pada keperluan lain seperti untuk minum.

#### Kedua : Syarat sah wuduk

1. **Islam** : Tidak sah wuduk orang kafir.
2. **Mumayyiz** : Tidak sah wuduk orang yang tidak mumayyiz.
3. **Anggota wuduk bersih dari najis** : Jika terdapat najis pada anggota tersebut maka wajiblah menghilangkannya terlebih dahulu sebelum berwuduk.
4. **Suci daripada haid dan nifas** : Tidak sah wuduk orang yang haid dan nifas
5. **Menghilangkan perkara yang menghalang air sampai ke anggota wuduk** : Pada anggota yang wajib dibasuh itu tidak ada sesuatu yang menghalang air pada kulit seperti cat dan gam.  
\*\* Pengilat kuku menghalang air daripada sampai ke kulit, maka wuduk tidak sah.
6. **Meratakan air wuduk pada kulit** : iaitu meratakan air pada seluruh bahagian anggota yang wajib dibasuh sehingga tidak ada bahagian anggota yang tertinggal.

#### Rukun wuduk

Rukun wuduk ialah perkara yang tidak sah wuduk kecuali dengannya. Maka sesiapa yang meninggalkan salah satu daripadanya atau sebahagian daripadanya, maka tidak sah wuduknya.

٣. القدرة تحصيل الماء واستعماله : فلا يجب على المريض لا يقدر على استعماله أو عنده ماء ولكن يستعمله لحاجة أخرى مثل الشرب.

#### ثانيا : شروط صحة الوضوء

١. الإسلام : فلا يصح وضوء كافر
٢. التمييز : فلا يصح من غير المميز
٣. طهارة أعضاء الوضوء من بخاسة. إن كانت عليها بخاسة، فتحجب إزالتها أولا قبل الوضوء.
٤. النقاء من الحبضم والنفاس : فلا يصح وضوء حائض ولا نفساء
٥. إزالة ما يمنع وصول الماء إلى العضو ، أي ألا يكون على العضو الواجب غسله حائل يمنع وصول الماء إلى البشرة كالدهن والصمغ.
- \*\* طلاء الأظافر يمنع وصول الماء للبشرة، فلم يصح الوضوء.
٦. تعميم البشرة بالماء الظهور بأن يعم الماء جميع أجزاء العضو المغسول، بحيث لا يبقى منه شيء إلا وقد غسل.

#### أركان الوضوء :

أركان الوضوء هي الأشياء التي لا يصح الوضوء إلا بها. فمن ترك واحدا منها أو بعضها لم يصح وضوؤه

Rukun wuduk ada enam, iaitu:

**1. Niat :**

Kerana wuduk adalah ibadat dan dengan niatlah yang membezakan ibadat dengan perkara lain. Niat ialah keinginan atas sesuatu perkara, diikuti dengan perbuatannya. Tempat niat adalah di dalam hati. Waktunya ketika mulai membasuh muka. Disunatkan melafazkan niat dengan lidah seperti "Sahaja Aku berwuduk" atau "Sahaja Aku mengangkat hadas kecil kerana Allah Taala".

**2. Membasuh muka :**

Sempadan muka adalah dari anak rambut hingga ke bawah dagu (dari segi panjangnya), dan dari telinga ke telinga (dari segi lebarnya).

**3. Membasuh kedua tangan hingga ke siku**

**4. Menyapu sebahagian kepala :**

walaupun rambutnya selagi ianya dalam sempadan kepala.

**5. Membasuh kedua kaki beserta buku lali**

**6. Tertib :**

iaitu pertamanya bermula dengan niat ketika membasuh muka, kemudian membasuh muka, dua tangan, sapu sebahagian kepala, seterusnya membasuh kedua kaki.

### Sunat wuduk

Sunat wuduk ialah perkara yang diberi pahala kepada orang yang melakukannya dan tidak membatalkan wuduk dengan meninggalkannya, tetapi hendaklah memelihara dan mengambil berat tentangnya kerana mencontohi nabi kita Muhammad saw.

Antara sunat wuduk :

1. Membaca (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) ketika memulakan wuduk.
2. Membasuh kedua pergelangan tangan

أركان الوضوء ستة، وهي :

١. النية : لأن الوضوء عبادة، وبالنية تميز العبادة من غيرها. والنية هي قصد شيء مقتربنا بفعله. ومحل النية هو القلب، ووقتها عند غسل أول جزء من الوجه. ويُسن التلفظ بالنية باللسان نحو : "نويتُ الوضوء" و "نويتُ رفع الحدث الأصغر لله تعالى".

٢. غسل الوجه : وحدود الوجه من منبت الشعر إلى أسفل الذقن طولاً، ومن الأذن إلى الأذن عرضاً.

٣. غسل اليدين مع المرفقين

٤. مسح بعض الرأس ، ولو شعره ما دامت في حدود الرأس

٥. غسل الرجلين مع الكعبين

٦. الترتيب ، بحيث تكون النية عند غسل الوجه أولاً ثم غسل الوجه، ثم اليدين، ثم مسح بعض الرأس، ثم غسل الرجلين.

### سنن الوضوء

سنن الوضوء هي التي يثاب فاعلها، ولا يبطل الوضوء بتركها، لكن ينبغي الحافظة عليها والاهتمام بها اقتداء بنبينا محمد ﷺ.

ومن سنن الوضوء :

١. أن يسمى الله عند ابتداء الوضوء بأن يقول :

٢. غسل الكفين

3. Membersihkan gigi dengan siwak, berus gigi atau perkara yang seumpama siwak.

**\*\* Renungan**

Rasulullah saw bersabda : "Kalaularah tidak memberatkan kepada umatku, nescaya aku akan menyuruh mereka untuk bersiwak setiap kali solat".  
(hadis riwayat Bukhari)

4. Berkumur-kumur  
 5. Memasukkan air ke dalam hidung menggunakan tangan kanan dan menghembuskannya dengan tangan kiri  
 6. Menyapu seluruh kepala  
 7. Menyelati celah-celah jari tangan dan kaki dengan air. Menyelati jari tangan dengan cara memasukkan jari tangan antara satu sama lain dan Menyelati jari kaki dengan cara memasukkan jari kelingkin tangan kiri (di celah-celah jari kaki)  
 8. Menyapu kedua telinga bahagian luar dan dalamnya  
 9. Melakukan setiap rukun dan sunat wuduk sebanyak tiga kali.  
 10. Mendahulukan pihak kanan iaitu mendahulukan anggota kanan sebelum kiri ketika membasuh tangan dan kaki.  
 11. Menggosok iaitu melakukan tangan pada anggota wuduk ketika membasuhnya.  
 12. Melebihkan had basuhan ghurrah dan tahjil :

Ghurrah: Membasuh hadapan kepala, bahagian leher beserta muka.  
 Tahjil : Membasuh bahagian atas daripada siku pada kedua-dua tangan dan bahagian atas daripada buku lali pada kedua-dua kaki.

**\*\* Renungan**

Rasulullah saw bersabda: "Sesungguhnya umatku akan dipanggil pada hari kiamat dalam keadaan putih bercahaya kerana kesan-kesan wuduk. Barang siapa di antara kamu mampu memanjangkan warna putih dan cahayanya, hendaklah dia lakukan".

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Dari Anas r.a berkata: Nabi saw berwuduk dengan 1 mud air (secupak : 750 ml)

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

٣. تنظيف الأسنان بالسواك أو بفرشاة الأسنان أو ما يقوم مقام السواك

**\*\* التذكرة**

قال رسول الله ﷺ : لولا أن أشق على أمتي، لأمركم بالسواك عند كل وضوء.  
(رواه البخاري)

**٤. المضمضة**

٥. الاستنشاق باليدي اليمنى والاستثمار باليدي اليسرى

٦. مسح جميع الرأس

٧. تحليل ما بين أصابع اليدين والرجلين بالماء. أما اليدان فالتشبيك بينهما، وأما الرجال فيختصر اليد اليسرى

٨. مسح الأذنين ظاهرهما وباطنهما

٩. الشليث في جميع فرائض الموضوع وسته

١٠. التيامن وهو تقليم اليمين على اليسرى، في اليدين والرجلين.

١١. الدلك هو إمرار اليد على العضو عند غسله.

١٢. إطالة الغرة والتحجيل : والغرة غسل جزء من مقدم الرأس وصفحة العنق مع الوجه. والتحجيل هو غسل ما فوق المرفقين في اليدين، وما فوق الكعبين في الرجلين.

**\*\* التذكرة**

● قال رسول الله ﷺ : إن أمتي يُدعَونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غَرَّاً مُّحَجِّلِينَ مِنْ آثارِ الْوُضُوءِ، فَمَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يُطِيلَ غَرَتَهُ وَتَحْجِيلَهُ فَلَيَفْعُلْ.

(رواه البخاري ومسلم)

● عن أنس رضي الله عنه قال كان النبي ﷺ يتوضأ بالمد. (متافق عليه)

13. *Muwalat* iaitu membasuh anggota wuduk berturut-turut tanpa terhenti, dengan cara membasuh anggota seterusnya sebelum kering basuhan anggota sebelumnya.
14. Bersederhana dalam penggunaan air tanpa membazir atau terlalu sedikit menggunakan air.
15. Tidak bercakap semasa berwuduk tanpa apa-apa keperluan.
16. Berdoa selepas selesai berwuduk  
“Aku naik saksi tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, Tuhan yang Esa tiada sekutu bagiNya, dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu hamba dan pesuruhNya. Ya Allah, jadikan daku daripada golongan yang bertaubat, jadikanlah daku daripada golongan yang bersih, dan jadikanlah daku daripada golongan hamba Engkau yang soleh.”
17. Solat sunat dua rakaat selepas berwuduk.

### **Perkara yang membatalkan wuduk**

Wuduk terbatal dengan sebab 5 perkara :

1. Apa-apa yang keluar dari qubul atau dubur sama ada yang keluar itu biasa seperti air kencing, tahi, darah atau angin, ataupun yang luar biasa seperti ketulan batu, sama ada yang keluar itu suci atau najis.
2. Tidur tidak tetap (papan punggung) : Tetap (papan punggung) ialah orang yang duduk dan tempat duduknya bersentuhan dengan lantai. Tidak tetap (papan punggung) ialah terdapat ruang kosong antara tempat duduknya dengan lantai. Orang yang tidur dalam keadaan tetap (papan punggung), maka tidak batal wuduknya.
3. Hilang akal dengan sebab mabuk, pitam, sakit atau gila kerana manusia apabila menghadapi salah satu perkara tersebut berkemungkinan akan keluar daripadanya sesuatu tanpa disedarinya.

١٣. الموالة أي غسل الأعضاء بالتتابع من غير انقطاع، بحيث يغسل العضو التالي قبل أن يجف العضو الذي قبله.

٤. الاعتدال في استعمال الماء دون إسراف أو تقتير.

٥. عدم الكلام أثناء الوضوء بغير حاجة.

٦. الدعاء عقب الانتهاء من الوضوء.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ اجْعُلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعُلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ وَاجْعُلْنِي مِنَ  
عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ

٦. صلاة سنة الوضوء ركعتين بعد الوضوء.

### **نواقص الوضوء**

ينقض الوضوء بخمسة أشياء :

١. كل ما خرج من قبل أو الدبر سواء أكان الخارج معتاداً كبول أو غائط أو دم أو ريح، أم كان الخارج نادراً كحصى، وسواء أكان الخارج طاهراً أم نجس.

٢. النوم غير المتمكن : والمتمكن أن يكون جالساً ومقعدته ملتصقة بالأرض، وغير التمكن أن يكون هناك فراغ بين مقعدته والأرض. وأما من نام على هيئة المتمكنة، فلا ينقض وضوءه.

٣. زوال العقل بسكر أو إغماء أو مرض أو جنون لأن الإنسان إذا انتابه شيء من ذلك، كان هذا مظنة أن يخرج منه شيء من غير أن يشعر.

4. Lelaki menyentuh isterinya atau perempuan ajnabi tanpa berlapik. Ianya membatalkan wuduk orang yang menyentuh dan orang yang disentuh.
5. Menyentuh kemaluan sendiri atau orang lain sama ada qubul atau dubur dengan tapak tangan dan jari-jari tanpa berlapik. Menyentuh dengan belakang tapak tangan atau hujung jari, tidak membatalkan wuduk walaupun tanpa berlapik.

### Cara wuduk orang yang berbalut anggota wuduk

Jabirah ialah kayu atau buluh yang diikat pada anggota yang patah atau terseliuh untuk mencantum semula. Termasuk dalam pengertian ini ialah pembalut anggota yang patah dengan plaster (kapas pembalus luka). Termasuk dalam hukum ini ialah balutan luka walaupun di kepala dan seumpamanya pada tempat-tempat yang dilakukan pembedahan.

Orang yang berbalut anggota wuduknya perlu melakukan tiga perkara:

- Membasuh bahagian yang sempurna pada anggota yang cedera
- Menyapu keseluruhan balutan atau bahagian anggota yang sakit dengan air.
- Bertayamum dengan debu bahagian yang cedera bagi mengantikan basuhan anggota yang sakit.

Menyapu anggota yang sakit tiada tempoh, ianya berterusan selagi terdapat keuzuran. Apabila hilang keuzurannya maka batallah. Menyapu anggota tersebut dan wajib dibasuh. Wajib bagi pesakit ini mengadakan solat selepas hilang keuzuran itu pada keadaan berikut :

- 1- Apabila diletakkan balutan itu dalam keadaan tidak suci dan tidak dapat dibuka
- 2- Apabila diletakkan balutan itu pada anggota tayamum : muka dan kedua tangan
- 3- Apabila balutan itu menutupi sebahagian besar anggota yang sihat melebihi kadar yang sepatutnya.

٤. لمس الرجل زوجته أو المرأة الأجنبية من غير حائل، فإنه ينتقض الوضوء اللامس والملموس.

٥. مس فرج نفسه أو غيره، قبلأ أو دبرا، بباطن كف والأصابع من غير حائل. وأما مس الفرج بظهر الكف أو رؤوس الأصابع، فلا ينتقض الوضوء ولو لم يكن بحائل.

### كيفية وضع صاحب الجبيرة

الجبيرة هي خشب أو قصب يشد على موضع الكسر أو المخلع ليتحجبر. وفي معناها حبر الكسور بالجنس، وفي حكمها عصابة الجراحة ولو بالرأس، ونحو ذلك من مواضع العماليات الجراحية.

فصاحب الجبيرة لزمه في هذه حالة ثلاثة أمور.

- ✓ أن يغسل الجزء السليم من العضو المصاب.
- ✓ أن يمسح على الجبيرة أو العصابة كلها بالماء.
- ✓ أن يتم بدل غسل الجزء المريض عند وصوله إليه بالتراب.

ولا يقدر المسح بمدة، بل لها استدامة إلى زوال العذر. فإذا زال العذر، بطل المسح ووجب الغسل. ويجب على صاحب الجبيرة القضاء بعد زوال العذر في الموضع التالية:

١. إذا وضعها على غير طهر وتعذر نزعها.
٢. إذا وضعها في أعضاء التيمم : الوجه أو اليدين
٣. إذا أخذت الجبيرة من العضو الصحيح أكثر من قدر الاستمساك.

**Hikmah disyariatkan wuduk**

- Wuduk adalah sebab diampunkan dosa.

Rasulullah saw bersabda : "Barang siapa yang berwuduk dan memperelokkan wuduknya, maka akan keluarlah dosa-dosa dari badannya, sehingga ianya akan keluar dari bawah kuku-kukunya."  
 (Hadis riwayat Muslim)

- Wuduk adalah sebab diterima doa.

Rasulullah saw bersabda: "Tidaklah seorang muslim yang tidur malam dengan berzikir dalam keadaan berwuduk, kemudian bangun di tengah malam dan berdoa kepada Allah agar diberi kebaikan dunia dan akhirat, kecuali Allah akan mengabulkan permintaan tersebut untuknya."  
 [Hadis riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah]

- Wuduk adalah tanda keimanan

Rasulullah saw bersabda: "Bersuci itu sebahagian dari iman"  
 (Hadis riwayat Muslim)

- Wuduk mempunyai banyak faedah, antaranya:

- Melindungi dari penyakit berjangkit** : Membasuh tangan akan menghilangkan banyak kuman yang menyebabkan beberapa jenis penyakit berjangkit.
- Melancarkan peraliran darah** : Membasuh tangan dan muka membantu pengecutan dan pengembangan urat bulu romak di lapisan permukaan kulit. Ini menyumbang kepada peningkatan pergerakan jantung dan pernafasan.
- Melindungi dari penyakit pernafasan** : Menyedut air ke hidung akan mencucikan saluran hidung dari kebanyakan jenis bakteria yang terkumpul sekitarnya
- Melindungi dan membersihkan mulut serta menguatkan otot-otot muka** : Berkumur menguatkan gigi dan membersihkannya dengan mengeluarkan sisa makanan. Berkumur juga menguatkan beberapa otot muka dan mengekalkan kesegaran muka dan bentuknya.
- Merehatkan badan** : Membasuh kedua kaki dan menggosoknya membantu untuk merasa selesa dan tenang, ini kerana kaki mengandungi refleksi yang memberi kesan kepada seluruh tubuh.

**حكمة من مشروعية الوضوء**

- الوضوء سبب لغفرة الذنوب

قال رسول الله ﷺ : مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ، خَرَجَتْ حَطَابِيَّةٌ مِنْ جَسَدِهِ حَتَّى تَخْرُجَ مِنْ تَحْتِ أَطْفَارِهِ.  
 (أخرجه مسلم)

- الوضوء سبب لقبول الدعاء

قال رسول الله ﷺ : مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَبْيَطُ عَلَى ذَكْرِ طَاهِرٍ فَيَتَعَارَفُ مِنَ اللَّيلِ فَيَسْأَلُ اللَّهَ خَيْرًا مِنَ الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ إِلَّا أُعْطَاهُ إِيَاهُ.

(رواه أبو داود وأحمد وابن ماجه)

- الوضوء من علامات الإيمان

قال رسول الله ﷺ : الطهور شطر الإيمان. (رواه مسلم)

- للوضوء فوائد صحية كثيرة، منها :

- الوقاية من الأمراض المعدية** : غسل اليدين يقضي على العديد من الجراثيم التي تسبب بعض الأمراض المعدية.

- تشييط الدورة الدموية** : يساعد غسل اليدين والوجه على انتقاض وانبساط العروق الشعرية في الطبقة السطحية من الجلد، ويساهم هذا في زيادة حرارة القلب وحركات التنفس.

- الوقاية من أمراض الجهاز التنفس** : الاستنشاق يظهر بخاري الأنف من معظم أنواع الجراثيم التي تتجمع في جوانبه.

- وقاية الفم وتطهيره وقوية عضلات الوجه** : المضمضة تقوي الأسنان وتنظفها بيازة الفضلات الغذائية، والمضمضة أيضاً تقوي بعض عضلات الوجه وتحفظ للوجه نضارته واستدارته.

- راحة للجسم** : غسل القدمين وتلبيكهما يساعد على الشعور بالراحة والسكينة، وذلك لأن القدم تحتوي على منعكسات تؤثر على الجسم كلها.

## Pelaksanaan amali wuduk

Marilah kita belajar daripada **Fathi** tentang cara berwuduk

1. Buka pili air dengan kadar sesuai
2. Saya menyebut (بسم الله الرحمن الرحيم)
3. Saya membasuh kedua tangan sebanyak tiga kali
4. Saya berkumur-kumur sebanyak tiga kali
5. Saya memasukkan air ke dalam rongga hidung (menggunakan tangan kanan) kemudian menghembuskannya (menggunakan tangan kiri). Saya mengulangi perkara tersebut sebanyak tiga kali
6. Saya membasuh muka dan berniat wuduk ketika membasuh bahagian pertama daripada muka
7. Saya membasuh tangan kanan sehingga ke siku sebanyak tiga kali
8. Saya membasuh tangan kiri sehingga ke siku sebanyak tiga kali
9. Saya menyapu kepala sebanyak tiga kali
10. Saya menyapu kedua telinga bahagian luar dan dalamnya sebanyak tiga kali
11. Saya membasuh kaki kanan sehingga ke buku lali sebanyak tiga kali
12. Saya membasuh kaki kiri sehingga ke buku lali sebanyak tiga kali
13. Saya menutup pili air
14. Saya berdoa :
 

“Aku naik saksi tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, Tuhan yang Esa tiada sekutu bagiNya, dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu hamba dan pesuruhNya. Ya Allah, jadikan daku daripada golongan yang bertaubat, jadikanlah daku daripada golongan yang bersih, dan jadikanlah daku daripada golongan hamba Engkau yang soleh.”
15. Kemudian saya solat sunat dua rakaat selepas berwuduk

## التطبيق العملي

هيا نتعلم من فتحي كيفية الوضوء!

١. افتح صنبور الماء بمقدار لائق
  ٢. أقول : بسم الله الرحمن الرحيم
  ٣. أغسل كفي ثلث مرات
  ٤. أقضض ثلث مرات
  ٥. أستنشق ثم أستنشق. أكرر ذلك ثلث مرات
  ٦. أغسل وجهي وأنوبي الوضوء عند غسل أول جزء منه
  ٧. أغسل يدي اليمنى إلى المرفق ثلث مرات
  ٨. أغسل يدي اليسرى إلى المرفق ثلث مرات
  ٩. أمسح رأسي ثلث مرات
  ١٠. أمسح أذني ظاهرهما وباطنهما ثلث مرات
  ١١. أغسل رجلي اليمنى إلى الكعب ثلث مرات
  ١٢. أغسل رجلي اليسرى إلى الكعب ثلث مرات
  ١٣. أغلق صنبور الماء
  ١٤. أدعوا الله تعالى :
- أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ اجْعُلْنِي مِنَ التَّوَابِينَ وَاجْعُلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ وَاجْعُلْنِي مِنَ  
عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ
١٥. ثم أصلّي ركعتين بعد الوضوء نافلة.

**MANDI****Definisi Ghusl (Mandi)**

**Ghusl** dari sudut **bahasa** : Mengalirkan air ke atas sesuatu.

**Ghusl** dari sudut istilah **syarak** : Mengalirkan air ke seluruh badan dengan niat tertentu.

**Pensyariatan Mandi**

Mandi disyariatkan dalam agama Islam, sama ada ianya untuk bersuci dan mengangkat hadas atau untuk kebersihan, menyegarkan tubuh dan menambahkan kecerdasan badan.

Pensyariatan Mandi ini berdasarkan al Quran, hadis dan ijmak ulamak

1. Firman Allah swt : "dan jika kamu berjunub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib".  
(Surah al Maidah : 6)
2. Sabda Rasulullah saw : "Menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk mandi satu hari pada setiap minggu (7 hari) dengan membasuh kepala dan badannya".  
(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

\*\* perbendaharaan kata

berlaku pada seseorang itu hadas besar  
(جنبًا)

hendaklah kamu mandi  
(فاطهروا)

tidak sepatutnya orang Islam meninggalkannya  
(حق)

orang beriman, berakal dan sampai umur dipertanggungjawabkan  
(مسلم)

hari jumaat  
(يوما)

3. Sepakat kata ulamak :

Ulamak mujtahid telah sepakat bahawa mandi bagi orang yang berhadas besar adalah wajib dan merupakan syarat sah ibadah. Mandi untuk membersihkan badan adalah sunat dan tidak ada perbezaan pendapat dalam perkara ini.

**الفصل****تعريف الغسل**

الغسل لغة : سيلان الماء على الشيء.

والغسل شرعا : تعميم جريان الماء على البدن بنية مخصوصة

**مشروعية الغسل**

الغسل مشروع في دين الإسلام، سواء أكان للطهارة ورفع الأحداث أم للنظافة والتبريد والنشاط. وقد دل على مشروعية الغسل القرآن والسنة والإجماع.

١. قول الله تعالى: وَإِنْ كُنْتُمْ جُنَاحًا فَاطَّهِرُوا  
(سورة المائدة : ٦)

٢. قول رسول الله ﷺ : حق على كل مسلم أن يغسل في كل سبعة أيام يوماً يغسل  
(رواه البخاري ومسلم)  
فيه راسه وجسده.

\* معانى المفردات

جنبًا : أصابه الحديث الأكبر

فاطهروا : فاغسلوا

مسلم : مؤمن عاقل بالغ

حق : لا يليق بالمسلم تركه

يوم الجمعة

٣. إجماع العلماء  
فقد أجمع الأئمة المجتهدون على أن الغسل على من أحده حدثاً أكبر واجب وشرط لصحة العبادة وأن الغسل للنظافة مستحب، ولا يعرف في هذا مخالف.

## Hukum Mandi

Mandi terdapat beberapa hukum yang berbeza mengikut jenis mandi.

1. **Mandi wajib** : Mandi bagi (melaksanakan) sesuatu ibadah yang memerlukan kepada bersuci yang mana tidak sah jika tidak mandi, apabila terdapat sebabnya iaitu berjunub, haid, melahirkan anak dan lain-lain.
2. **Mandi Sunat** : Mandi bagi (melaksanakan) sesuatu ibadah yang mana ianya sah tanpa mandi, namun syarak mengalakkannya kerana banyak tujuannya seperti mandi hari Jumaat, mandi dua hari raya. Ianya dinamakan sebagai mandi sunat
3. **Mandi Harus** : Mandi bagi (melaksanakan) sesuatu ibadah yang mana ianya sah tanpa mandi. Disyariatkan kerana tujuan membersihkan diri, menyegarkan dan mencergaskan badan.

## Perkara yang mewajibkan mandi

Perkara yang mewajibkan mandi terdapat 6 perkara, 3 daripadanya berlaku pada lelaki dan perempuan dan 3 perkara lagi hanya berlaku pada perempuan.

### 1) Perkara yang mewajibkan mandi yang berlaku pada lelaki dan perempuan

- **Bersetubuh** : Bersetubuh mewajibkan mandi. Jimak ialah memasukkan seluruh hasyafah zakar (kepala kemaluan lelaki) ke dalam faraj (kemaluan perempuan) walaupun pada dubur. Begitu juga sama ada orang yang bersetubuh secara berlapik (zakar disalut dengan sesuatu) atau tidak, sekalipun tidak keluar air mani. Orang yang memasukan zakar dan orang yang dimasukkan zakar padanya adalah sama hukumnya pada wajibnya mandi.
- **Keluar Air Mani** : Tidak ada beza sama ada keluar air mani dengan cara bersetubuh, bermimpi, beronani, memandang (penuh syahwat) atau tanpa apa-apa sebab. Begitu juga sama ada keluar air mani itu ketika tidur atau ketika sedar bagi lelaki atau perempuan.
- **Meninggal dunia** : (Apabila) orang Islam mati, maka saudara-saudaranya di kalangan orang Islam wajib memandikannya sekiranya dia bukan mati syahid dalam peperangan. Mandi tersebut adalah fardu kifayah. Apabila sebahagian kerabatnya atau orang lain melakukannya maka gugurlah kewajipan itu daripada orang lain dan apabila tidak ada seorang pun yang melakukannya maka semuanya akan berdosa.

## حكم الغسل

للغسل أحكام تختلف على حسب أنواع الغسل.

١. الغسل الواجب : وهو الذي لا تصح العبادة المفتقرة إلى طهر بدونه، إذا وجدت أسبابه وهي الجنابة والحيض والولادة وغيرها.
٢. الغسل المندوب : وهو الذي تصح الصلاة بدونه، ولكن الشرع ندب إليه لاعتبارات كثيرة مثل غسل يوم الجمعة وغسل العيددين. وتطلق عليها بالأغسال المسنونة.
٣. الغسل المباح : وهو الذي تصح الصلاة بدونه، ويشرع لأجل النظافة والتبرد والنشاط. وإن نوى الله فهو مثاب عليه بالنية.

## موجبات الغسل

موجبات الغسل ستة أشياء ثلاثة تشتراك فيها الرجال والنساء وثلاثة تختص بها النساء

- ١) موجبات الغسل المشتركة بين الرجال والنساء
  - الجماع : الجماع موجب للغسل ويكون بإدخال الحشفة كلها في فرج ولو دبرا، وسواء جامع بحائل أو بغierre ولو لم يخرج المي. والموج والموج فيه سواء في وجوب الغسل.
  - خروج المي : لا فرق بين خروج المي بجماع أو احتلام أو استمناء أو نظر أو بغierre سبب، وسواء خرج في النوم أو اليقظة من الرجل والمرأة.
  - الموت : موت المسلم يوجب على إخوانه المسلمين غسله إذا لم يكن شهيد معركة. وهو واجب كفائي، إذا قام به البعض من أقربائه أو غيرهم سقط الطلب عن الآخرين، وإذا لم يقم به أحد، أثم الجميع.

## 2) Perkara yang mewajibkan mandi hanya berlaku pada perempuan

- **Haid :** Haid ialah darah semulajadi yang keluar dari pangkal Rahim perempuan selepas usia baligh dalam keadaan sihat dan dengan berhentinya haid maka wajib mandi. Manakala istihadah ialah darah yang keluar dari pembuluh darah di pangkal Rahim dalam keadaan sakit. Maka memadai dengan hanya membasuh darah tersebut dan tidak wajib mandi.
- **Nifas :** Nifas ialah darah yang keluar selepas kosong Rahim daripada kandungan setelah melahirkan anak. Nifas adalah sama seperti haid dalam semua hukumnya. Maka wajib mandi dengan keluarnya darah nifas.
- **Melahirkan anak :** Melahirkan anak itu wajib mandi sekalipun tidak keluar darah selepas itu kerana anak adalah terhasil daripada air mani perempuan dan air mani lelaki.

### Rukun mandi

Mandi terdapat 2 rukun :

1. **Niat :** waktunya ketika jirusan pertama, kerana tubuh badan dalam masalah mandi ini adalah seperti satu anggota. Apabila berhimpun padanya dua perkara yang mewajibkan mandi atau lebih seperti bersetubuh dan keluar air mani, maka memadai untuk kedua-dua perkara tersebut dengan satu niat mandi. Niat adalah dengan hati dan disunatkan melafazkannya seperti : "Sahaja aku mengangkat hadas besar kerana Allah Taala".
2. Meratakan seluruh badan dengan air mutlak pada kulit dan bulu/rambut serta menyampaikan air ke bahagian dalam rambut dan pangkalnya.

### \*\* Renungan

Rasulullah saw bersabda : "Barangsiapa yang membiarkan sehelai rambut tidak dibasuh ketika mandi junub, maka pastilah akan diperlakukan sekian, sekian dengan api neraka".

(Hadis riwayat Abu Daud).

## ٢) موجبات الغسل المختصة بالنساء

- **الحيض :** الحيض هو دم جبلة يخرج من أقصى رحم المرأة بعد بلوغها على سبيل الصحة وبانقطاع الحيض وجب الغسل. وأما الاستحاضة فهي دم يخرج من عرق من أدنى الرحم على سبيل المرض. يكفي بغسل دمها ولا يوجب الغسل.
- **النفاس :** النفاس هو الدم الخارج بعد فراغ الرحم من الحمل عقب الولادة. والنفاس كالحيض في جميع أحکامه فيجب بخروجه الغسل.
- **الولادة :** الولادة توجب الغسل ولو لم يخرج الدم بعدها لأن الولد مكون من ماء المرأة وماء الرجل.

### أركان الغسل

للغسل ركنان :

1. **النية :** ووقتها عند أول الغسل لأن البدن في الغسل كالعضو الواحد. إذا اجتمع عليه غسلان واحبان فأكثر كالجماع وخروج المني فتكفي لهما نية واحدة. والنية بالقلب، ويحسن التلفظ بأن يقول : نويتُ رفع الحدث الأكبر لله تعالى.
2. استيعاب جميع البدن بالماء المطلق بشرة وشعراء، مع إيصال الماء إلى باطن الشعر وأصوله.

### \*\* التذكرة

قال رسول الله ﷺ : مَنْ تَرَكَ مَوْضِعَ شَعْرَةٍ مِّنْ جَنَابَةٍ لَمْ يَعْسِلْهَا فُعِلَّ بِهِ كَذَا وَكَذَا مِنَ التَّارِ (آخرجه أبو داود وابن ماجه)

**Perkara sunat mandi**

Perkara sunat mandi junub adalah banyak, antaranya :

1. Membaca Bismillah
2. Membasuh kotoran yang ada pada badan seperti air mani dan seumpamanya daripada kotoran yang suci dan najis sebelum mandi.
3. Berwudhuk dengan wuduk yang sempurna dan boleh melewatkannya membasuh kaki sehingga selesai mandi.
4. Menjirus air ke atas kepala sebanyak tiga kali dengan menyelati rambut supaya sampai air ke pangkal rambut.
5. Menjirus sebelah kanan badan kemudian sebelah kiri dengan menggosoknya
6. Mengulangi perbuatan mandi sebanyak tiga kali sebagai kias pada (perbuatan) wuduk.
7. Apabila perempuan mandi kerana haid atau nifas, maka hendaklah dia mengambil secebis kapas atau seumpamanya dan diletakkan padanya kasturi atau wangian, lalu digunakan untuk mewangikan tempat (keluar darah tersebut) dan untuk menghindari bau yang tidak disukai

Diriwayatkan bahwa Asma r.a. pernah bertanya kepada Nabi SAW tentang cara mandi bagi perempuan yang telah suci dari haid. Kemudian baginda bersabda, " Ambillah air dan daun bidara, lalu cucilah bekas tempat keluar darah (kemaluan) sehingga benar-benar bersih. Setelah itu, tuangkanlah air ke atas kepala sambil digosok-gosok dengan kuat sehingga air itu sampai ke akar-akar rambutnya, lalu tuangkanlah air lagi ke atas kepala. Setelah itu, ambillah secebis kain atau kapas yang telah dilumur kasturi, lalu bersihkanlah lagi dengannya."

- سنن غسل الجنابة كثيرة، منها:
١. التسمية
  ٢. غسل ما على الجسم من أذى كالمني ونحوه من القدر الظاهر والتجسس قبل الغسل.
  ٣. الوضوء وضوءاً كاملاً، ويمكن تأخير غسل الرجلين حتى نهاية الغسل.
  ٤. إفاضة الماء على الرأس ثلاثة مع تخليل الشعر ليصل الماء إلى أصول الشعر
  ٥. غسل الشق الأيمن من الجسم ثم الشق الأيسر مع الدلك، ويتعهد وصول الماء إلى الإبطين وظاهر الأذن والسرة وأصابع الرجلين
  ٦. تثليث أعمال الغسل قياساً على الوضوء
  ٧. إذا اغسلت المرأة من حيض أو نفاس، تأخذ قطناناً أو نحوه وتضيف إليها مسكاً أو طيباً وستعملها لتطهير المحل ودفع الرائحة الكريهة.

روي أن أسماء سالت النبي ﷺ عن غسل المحيض؟ فقال: تأخذ إحداين ماءها وسدرتها، فتطهر، فتحسن الطهور، ثم تصب على رأسها، فتدلكه دلّاكاً شديداً حتى تبلغ شؤون رأسها، ثم تصب عليها الماء، ثم تأخذ فرصةً ممسكةً فتطهر بها".

## Mandi-mandi sunat

Mandi-mandi sunat itu banyak, antaranya :

- Mandi hari Jumaat :** Sunat mandi hari Jumaat bagi orang yang ingin menghadiri solat Jumaat sekalipun dia tidak wajib ke atasnya solat Jumaat seperti orang musafir, perempuan atau kanak-kanak.  
Rasulullah saw bersabda: "Apabila salah seorang daripada kamu mahu pergi mendirikan solat Jumaat, hendaklah dia mandi".  
(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Waktunya bermula dengan terbitnya fajar hari Jumaat. Waktu yang paling baik ialah ketika ingin keluar untuk menunaikan solat Jumaat.

- Mandi dua hari raya :** Sunat mandi pada hari raya puasa dan hari raya korban bagi orang yang ingin menghadiri solat hari raya dan orang yang tidak menghadirinya kerana hari raya adalah hari berhias, maka disunatkan mandi. Waktu Mandi dua hari raya bermula dari pertengahan malam hari raya
- Mandi dua gerhana :** iaitu gerhana bulan dan gerhana matahari. Disunatkan mandi pada kedua-duanya kerana ianya sama maksud dengan jumaat dari segi disyariatkan melakukan kedua-duanya secara berjemaah dan orang ramai berkumpul untuk melakukan kedua-dua solat tersebut. Waktu mandi dua gerhana ini bermula dengan berlakunya gerhana dan berakhir dengan hilangnya gerhana.
- Mandi istisqa' (solat minta hujan) :** Disunatkan mandi sebelum keluar untuk solat minta hujan sebagai kias kepada mandi dua gerhana.
- Mandi kerana memandikan jenazah :** Disunatkan mandi bagi orang yang memandikan jenazah. Sabda Rasulullah saw : Orang yang memandikan jenazah, maka hendaklah dia mandi.  
(hadis riwayat Ahmad dan ashab sunan. Tirmizi mengatakan hadis ini hadis hasan)
- Mandi yang berkaitan dengan haji dan umrah** iaitu :  
Mandi untuk berihram haji atau umrah, mandi kerana masuk kota Mekah, mandi untuk wukuf di Arafah, mandi untuk melontar di Jamrah pada hari-hari Tasyrik dan mandi kerana memasuki kota Madinah.

## الأغسال المنسنة

الأغسال المنسنة كثيرة، منها :

- غسل الجمعة :** يسن الغسل يوم الجمعة من يريد حضور الصلاة، وإن لم يحب عليه الجمعة كمسافر أو امرأة أو صغير. قال رسول الله ﷺ: إذا أراد أحدكم أن يأتِ الجمعة فليغسل. (رواه البخاري ومسلم)

ويدخل وقته بطلوع الفجر يوم الجمعة، والأفضل عند إرادة الخروج للصلاة

- غسل العيددين :** ويسن الغسل يوم عيد الفطر، ويوم عيد الأضحى، من أراد أن يحضر الصلاة ولمن لم يحضر، لأن يوم العيد يوم زينة، فسن الغسل له. وقت غسل العيددين يبدأ من نصف الليل من ليلة العيد.

- غسل الكسوفين :** أي خسوف القمر وكسوف الشمس: ويسن الغسل فيهما لأنهما في معنى الجمعة من حيث مشروعية الجمعة فيهما، واجتماع الناس لهما. ويدخل وقت الغسل للكسوفين بيده الكسوفين، وينتهي بانحلائهما.

- غسل الاستسقاء :** ويسن الغسل قبل الخروج لصلاة الاستسقاء، قياسا على غسل الكسوفين.

- الغسل من تغسيل الميت:** ويسن لمن غسل ميتا أن يغسل. قال رسول الله ﷺ: من غسل ميتا ، فليغسل.

- (رواه أحمد وأصحاب السنن وحسنه الترمذى)**

- الأغسال المتعلقة بالحج والعمرة، وهي:**

- الغسل للإحرام بالحج أو العمرة، والغسل لدخول مكة، والغسل للوقوف بعرفة، والغسل لرمي الجمار في أيام التشريق، واغسل لدخول المدينة المنورة.**

## Hikmah disyariatkan mandi

Mandi terdapat banyak hikmah dan faedahnya, antaranya :

1. **Mendapat pahala** : Mandi yang disyariatkan ini merupakan ibadat dan orang yang melakukannya memperolehi pahala, kerana dengan melakukan perkara ini merupakan mematuhi perintah syarak dan mempraktikan hukumnya. Maka perkara ini terdapat ganjaran yang besar.
2. **Memperolehi kebersihan** : Mandi itu menghilangkan perkara yang tidak menyenangkan yang terdapat pada tubuh badan dan begitu juga kotoran dan peluh yang keluar dari badan. Kebersihan hasil daripada mandi ini melindungi tubuh daripada kuman yang menyebabkan penyakit.
3. **Menghasil kecergasan** : Mandi menjadikan tubuh badan itu segar dan cergas seterusnya menghilangkan perasaan mengantuk, lemah dan rasa malas, terutama selepas melakukan perkara yang mewajibkan mandi seperti bersetubuh.
4. **Melahirkan rasa mesra dan kasih sayang** : Mandi dapat menghilangkan bau badan yang tidak disukai dan menjadikannya harum. Bau yang wangi akan menimbulkan perasaan mesra, kasih sayang dan saling menghormati sesama manusia. Kerana itulah syarak menuntut seseorang itu mandi ketika menghadiri tempat ramai orang berhimpun seperti mandi untuk solat Jumaat, mandi untuk solat dua hari raya dan seumpamanya.

\*\* info penting

Para doktor telah menemui bahawa antara sebab sakit belakang adalah kerana melewatkannya mandi junub.

## الحكمة في مشروعية الغسل

للغسل حكم كثير وفوائد متعددة، منها:

١. **حصول الثواب**: فالغسل الشرعي عبادة يكسب صاحبها الثواب؛ لأن في فعله والإتيان به امثال لأمر الشارع وتطبيق لأحكامه، فكان فيه الأجر الكبير.
٢. **حصول النظافة** : فالغسل يزيل ما أصاب الجسم من القدر، وما علق به من وسخ، وما يفرزه من عرق، وفي هذه النظافة التي يكسبها الاغتسال وقاية للجسم من الجراثيم التي تسبب الأمراض.
٣. **حصول النشاط**: فالغسل بكسب جسم المغسل حيوية ونشاطاً، ويطرد عنه الخمول والفتور والكسل، ولا سيما إذا كان بعد أسبابه الموجبة له كالجمامع.
٤. **حصول الألفة والمحبة**: الغسل يزيل الرائحة الكريهة من جسم الإنسان ويطهيه. والرائحة الطيبة تدعو للألفة والمحبة والاحترام بين الناس؛ ولذلك طلبه الشرع في مواطن كثيرة يجتمع فيها الناس، كالغسل لل الجمعة، والغسل للعيددين، ونحوهما.

\* معلومات تهمك

اكتشف الأطباء أن من أسباب آلام الظهر هو تأخير الغسل من الجناة.

**Pelaksanaan amali**

Pelaksanaan ini terbahagi kepada dua bahagian:

**i) Cara mandi yang disunatkan**

iaitu cara mandi yang paling baik sebagai mencontohi sunah Rasulullah saw.

1. Mulakan mandi dengan niat dan melafazkannya secara lisan : Sahaja aku mengangkat hadas besar kerana Allah Taala.
2. Membaca bismillah
3. Membasuh tapak tangan tiga kali
4. Membasuh kemaluan dan dubur dengan tangan kiri dan membasuh kotoran yang terdapat pada tubuh
5. Berwuduk dengan wuduk yang sempurna
6. Menjirus air ke atas kepala tiga kali serta menyelati rambut
7. Membasuh sebelah kanan tubuh serta menggosoknya
8. Membasuh sebelah kiri tubuh serta menggosoknya

**ii) Cara mandi yang wajib** iaitu mandi yang dikira sah

1. Mulakan mandi dengan niat dalam hati : “Sahaja aku mengangkat hadas besar kerana Allah Taala”.
2. Menjirus air ke seluruh tubuh dengan satu jirusan.

**التطبيق العملي**

ينقسم هذا التطبيق إلى قسمين:

**أ) الكيفية المسنونة**

وهو الغسل الأفضل اقتداء بسنة رسول الله ﷺ

1. بدأ الغسل بالنية والتلفظ بها لسانا : نويت رفع الحدث الأكابر لله تعالى
2. التسمية : بسم الله الرحمن الرحيم
3. غسل الكفين ثلاثة
4. غسل القبل والدبر باليد اليسرى وما على الجسم من أقدار
5. التوضؤ وضوء كاملا
6. إفاضة الماء على الرأس ثلاثة مع تحليل الشعر
7. غسل الشق الأيمن من الجسم مع الدلك
8. غسل الشق الأيسر من الجسم مع الدلك

**ب) الكيفية الواجبة وهو أقل ما يصح بها الغسل**

1. بدأ الغسل بالنية في القلب : نويت رفع الحدث الأكابر لله تعالى
2. إفاضة الماء على سائر جسده مرة واحدة

**TAYAMMUM****Definisi Tayammum**

Tayammum dari sudut **bahasa** : Tujuan/keinginan. Ungkapan : saya tayammum kepada si fulan, maksudnya saya inginkannya.

Tayammum dari sudut istilah **syarak** : Menyampaikan tanah ke muka dan dua tangan mengantikan wuduk dan mandi atau anggota daripada keduanya dengan syarat tertentu.

**Pensyariatan tayammum**

Antara dalil pensyariatan tayammum ialah:

4. Firman Allah swt : "dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwuduk), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah (debu) yang suci, iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu".  
(Surah an Nisa' : 43)

**\*\* Perbendaharaan kata**

**sakit** (مَرْضَى) : sakit yang menghalang daripada menggunakan air secara umum

**kawasan tempat rendah** (الْعَائِطِ) : Ini bahasa kiasan tentang berhadas

**tanah yang mempunyai debu** (صَعِيدًا) :

**suci** (طَيِّبًا)

5. Rasulullah saw bersabda : "Kita diberi kelebihan berbanding orang lain dengan tiga perkara: Dijadikan saf kita seperti saf malaikat, bumi dijadikan untuk kita sebagai masjid dan dijadikan debunya untuk kita sebagai alat bersuci apabila tiada air"

. (hadis riwayat Muslim)

**التيمم****تعريف التيمم**

التيمم لغة : القصد، يقال: تيممت فلانا أي قصدته.  
و التيمم شرعا : إيصال التراب إلى الوجه واليديين، بدلا من الوضوء والغسل أو عضو منها، بشرط مخصوصة

**مشروعية التيمم**

من الأدلة على مشروعية التيمم :

١. قول الله تعالى: وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ حَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْعَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيْكُمْ  
سورة النساء : (٤٣)

**\* معانى المفردات**

**مرضى** : المرض الذي يمنع من استعمال الماء مطلقا

**العائط** : المكان المنخفض من الأرض، وهو كناية عن الحدث

**صعيداً** : ترابا له غبار

**طبيبا** : ظاهرا

٢. قول رسول الله ﷺ : فضلنا على الناس بثلاث: جعلت صفوونا كصفوف الملائكة، وجعلت لنا الأرض لها مسجدا، وجعلت تربتها لنا طهورا لا إذا لم نجد الماء".  
(رواه مسلم)

\*\* Perbendaharaan kata

umat ini (umat nabi Muhammad saw) diberi kelebihan  
(فضلنا)

صافوفنا (صفوفنا) satu pendapat mengatakan: seperti barisan malikat di medan perang,  
pendapat kedua: di dalam solat. Pendapat ketiga: dalam ketaatan kepada  
Allah swt.

تربتها (تربتها) tanah bumi

طهورا (طهورا) suci lagi menyucikan

## Hukum Tayammum

### 1. Wajib

Tayammum itu wajib ketika ketiadaan air atau bimbang kecelakaan  
akan berlaku kerana menggunakan air untuk melaksanakan perkara-  
perkara yang memerlukan bersuci (terlebih dahulu) seperti solat dan  
tawaf.

### 2. Harus

Tayammum itu harus apabila orang yang bertayammum mampu  
berwuduk dan menggunakan air serta membelinya dengan harga yang  
lebih mahal dari kebiasaannya.

### 3. Makruh

Makruh mengulangi tayammum

### 4. Haram

Haram tayammum dengan tanah yang dirampus

\*\* معانى المفردات

فضلنا : فضلت أمتنا (أمة نبينا محمد ﷺ)

صافوفنا : وقوفنا في الصلاة

كصفوف الملائكة : قيل في المعركة وقيل في الصلاة وقيل في الطاعة

تربتها : تراب الأرض

طهورا : ظاهرا مظهرا

حكم التيمم

### ١. واجب

يجب التيمم عند فقد الماء حسا، أو خوف ال�لاك من استعمال الماء للأشياء  
التي تحبها الطهارة كالصلاحة والطواف.

### ٢. مباح

يمباح إذا كان المتيمم قادرًا على الوضوء وعلى استعمال الماء وشرائه بأكثر  
من ثمن المثل.

### ٣. مكرر

يكره إعادة التيمم

### ٤. حرام

التيمم بتراب مخصوص.

## Sebab-sebab tayammum

Shukri bersama dua anaknya Fathi dan Tariq bermusafir ke Kuala Lumpur pada waktu malam. Dalam perjalanan, kereta mereka rosak dan waktu solat Subuh telah masuk sedangkan mereka tidak ada air. Bimbang waktu solat Subuh akan terlepas. Shukri bertanya kepada kedua-dua anaknya cara menyelesaikan keadaan ini dengan betul.

Fathi : Kita solat Subuh setelah kita menemui air (untuk berwuduk), walaupun waktu solat Subuh telah berakhir.

Tariq : Apa yang saya belajar di sekolah, kita tidak boleh menangguhan solat dari waktunya. Sekiranya kita tidak temui air, maka kita boleh tayammum dengan debu mengantikan wuduk.

Shukri : Awak betul, Tariq. Mari kita cari tanah yang bersih!

### Keadaan-keadaan yang disyariatkan bertayammum:

1. Tiada air berdasarkan pemerhatian atau berdasarkan syarak

**Tiada air berdasarkan pemerhatian:** seperti keadaan dalam musafir dan tidak ditemui air.

**Tiada air berdasarkan syarak :** Perkara ini seperti ada air bersamanya tetapi untuk minum sahaja.

2. Air jauh daripadanya

Jika seseorang itu berada di tempat yang tiada air, dan jarak antaranya dan air itu lebih dari setengah farskh (batu), maka dia boleh tayammum, dan tidak wajib mencari air kerana terdapat kesulitan. Setengah farsah menyamai 2.5 kilometer.

3. Tidak boleh menggunakan air berdasarkan pemerhatian atau berdasarkan syarak

**Tidak boleh menggunakan air berdasarkan pemerhatian :** seperti air itu ada berhampirannya tetapi berdekatan air tersebut ada musuh atau binatang buas yang ditakuti.

## أسباب التيمم

سافر شكري مع ابنيه فتحي وطارق إلى كوالا لمبور ليلاً. وفي الطريق، عطلت السيارة وحان وقت صلاة الفجر ولم يكن معهم ماء. وخسروا أن يفوت وقت الصلاة. فسأل شكري ابنيه عن التصرف الصحيح في مثل هذا الموقف.

فتحي : نصلّى إذا وجدنا الماء، وإن فات وقت الصلاة.

طارق : تعلمتُ في المدرسة أنه لا يجوز لنا أن نؤخر الصلاة عن وقتها. فإذا لم نجد الماء نتيمم بالتراب بدلاً عن الوضوء.

شكري : صدقتَ يا طارق. هيا نبحث عن التراب الطاهر !.

### من الحالات التي يشرع فيها التيمم

١. فَقْدُ الماء حساً أو شرعاً

فقد الماء حساً : كان كأنه كان في سفر ولم يوجد ماء.

فقد الماء شرعاً : وذلك لأن كأنه كان معه ماء ولكنه يحتاج إليه لشربه.

٢. بُعْدُ الماء عنه

إذا كان مكان لا ماء فيه، والمسافة بينه وبين الماء فوق نصف فرسخ فإنه يتيمم ولا يجب عليه أن يسعى إلى الماء للمشقة. ونصف فرسخ يساوي ٢.٥ كيلو متر تقريباً.

٣. تعذر استعمال الماء حساً كان أو شرعاً

تعذر استعمال الماء حساً لأن يكون الماء قريباً منه ولكن بقربه عدو أو سبع يخاف منه.

**Tidak boleh menggunakan air berdasarkan syarak :** Perkara ini seperti bimbang ditimpa sakit, bertambah sakit atau lambat sembah. Dalam kes ini, dia boleh tayammum dan tidak wajib menggunakan air (berwuduk).

#### 4. Terlalu sejuk

Sejuk melampau yang dibimbangi berlaku kemudaratan padanya dengan menggunakan air dan tidak mampu untuk memanaskannya, ini berdasarkan hadis riwayat Abu Daud, dan ianya dianggap sahih oleh al Hakim dan Ibnu Hibban bahawa Amru bin al As bertayammum kerana berjunub dan dia bimbang berlaku kebinasaan disebabkan kesejukan. Perbuatan tersebut diakui oleh Nabi saw, akan tetapi orang yang bertayammum itu perlu qada solatnya dalam keadaan sebegini selepas hilangnya kemudaratan tersebut.

#### Syarat Tayammum

1. Mengetahui dengan yakin telah masuk waktu solat. Masuk waktu solat adalah syarat bagi tayammum untuk solat fardu. Manakala solat yang tertinggal dan solat sunat yang mempunyai waktu, maka masuk waktu bukan menjadi syarat bagi tayammum untuk solat tersebut.
2. Mencari air selepas masuk waktu solat fardu, sekiranya tidak yakin tiadanya air.
3. Berijtihad tentang arah kiblat sebelum bertayammum
4. Tanah itu bersih, bukan yang telah digunakan dan ianya mempunyai debu
5. Tidak bercampur tanah dengan najis, tepung gandum atau kapur batu yang menghalang sampainya debu tanah pada seluruh anggota, tetapi tayammum boleh dilakukan dengan pasir yang bercampur tanah yang mempunyai debu.
6. Menghilangkan najis dari tubuh
7. Bertayammum bagi setiap solat fardu. Satu tayammum hanya boleh untuk satu solat fardu sahaja dan boleh melakukan seberapa banyak solat sunat yang ingin dilakukannya..

تعذر استعمال الماء شرعا : وذلك كأن يخاف من استعمال الماء حدوث مرض، أو زيادته، أو تأخر الشفاء. ففي هذه الحالات، يتيمم ولا يجب عليه استعمال الماء.

#### ٤. البرد الشديد

البرد الشديد الذي يخاف معه استعمال الماء، ولم يقدر على تسخينه، للحديث الذي رواه أبو داود، وصححه الحاكم وابن حبان أن عمرو بن العاص رضي الله عنه تيمم عن جنابة لخوف الملائكة من البرد، وأقره النبي ﷺ ولكن على التيمم أن يقضى الصلاة في هذه الحالة بعد زوال الضرر.

#### شروط التيمم

١. العلم بدخول الوقت يقيناً. ودخول الوقت شرط في التيمم لصلاة الفرض، فاما الصلاة الفائتة والنافلة المؤقتة، فليس الوقت شرطاً في التيمم لها.
٢. طلب الماء بعد دخول وقت الصلاة إن لم يتيقن فقده.
٣. أن يجتهد في القبلة قبل التيمم
٤. أن يكون التراب ظاهراً غير مستعمل وله غبار
٥. ألا يخالط التراب بـنجسٌ أو دقيق أو جص يمنع وصول التراب على جميع العضو، ولكن يجوز التيمم برمل حالته تراب الذي له غبار.
٦. إزالة النجس عن البدن
٧. أن يتيمم لكل فرض، ولا يصلح بالتيمم إلا فرضاً واحداً، ويصلح ما شاء من السنن

## Rukun Tayammum

Rukun tayammum ada empat:

1. **Memindahkan (debu) tanah:** iaitu menyampaikan (debu) tanah ke anggota yang ingin disapunya. Jika seseorang terdedah kepada tiupan angin yang membawa debu dan rasa cukup dengan sapuan debu tersebut di mukanya atau salah satu anggota badannya, maka tidak memadai perkara tersebut.
2. **Niat :** Tempatnya di hati. Berniat di dalam hatinya ketika memindahkan debu tanah untuk melakukan tayammum. Sunat melafazkannya dengan lidah seperti: Sahaja aku bertayammum untuk melakukan solat, solat fardu atau solat sunat dan seumpamanya daripada perkara yang ingin dilakukannya.
3. **Menyapu seluruh muka dan kedua tangan hingga ke siku dengan dua kali tepukan.** Caranya : dengan menepuk dua tapak tangannya di atas tanah yang suci yang berdebu kemudian menyapu seluruh muka. Seterusnya menepuk dua tapak tangannya kali kedua di atas tanah, kemudian menyapu pada kedua tangannya hingga ke siku. Pertama menyapu pada tangan kanannya dengan tangan kiri, kemudian menyapu pada tangan kirinya dengan tangan kanan. Sapuan itu wajid meratai seluruh anggota. Jika terdapat cincin di tangannya hendaklah ditanggalkan pada tepukan kedua, supaya sampai debu tanah pada tempatnya.
4. **Tertib** dengan mendahulukan menyapu muka sebelum kedua tangan, kerana tayammum adalah ganti kepada wudhu. Tertib adalah rukun pada wuduk, maka ia juga adalah rukun pada gantinya (tayammum).

## Sunat-sunat Tayammum

- 1) Membaca (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) kerana tayammum adalah menyucikan dari hadas, maka disunatkan menyebut nama Allah swt padanya seperti wuduk.
- 2) Merenggang jari-jari ketika menepuk tanah kerana ia lebih melekat debu (pada tapak tangan). Ianya adalah lebih mudah dan berkesan untuk meratakan sapuan muka dengan satu tepukan.
- 3) Menipiskan debu tanah selepas menepuk tanah dengan melag-lagakan dua tapak tangan (mengirai debu daripadanya) atau meniupnya.

**أركان التيمم**

**أركان التيمم أربعة :**

١. نقل التراب وهو إيصال التراب إلى العضو الذي يريد مسحه. فلو تعرض لهب الريح مكتفياً بمسفته على وجهه أو أحد أعضائه، لم يجزئه.
٢. النية : وحملها القلب، فيقصد عند نقل التراب في قلبه فعل التيمم، ويحسن أن يتلفظ بلسانه. فيقول: نويتُ استباحة الصلاة، أو فرض الصلاة، أو نفلها، ونحو ذلك مما يقصد فعله.
٣. مسح جميع الوجه واليدين إلى المرفقين بضربيتين، وذلك بأن يضرب بكفيه على التراب الظاهر الذي له غبار ويسع بهما جميع وجهه. ويضرب بيديه ثانية على التراب، ويسع بهما يديه إلى المرفقين، ويسع بيده اليسرى يده اليمنى، وبيده اليمنى يده اليسرى. ويجب استيعاب العضو بالمسح، فإذا كان في يده حاتم وجب نزعه في الضربة الثانية، حتى يصل التراب إلى موضعه.
٤. الترتيب بتقديم مسح الوجه على اليدين، لأن التيمم بدلٌ عن الوضوء، والترتيب ركن في الوضوء، فهو ركن في بدله.

**سنن التيمم**

- ١- التسمية لأن التيمم طهارة عن الحديث، فاستحب ذكر اسم الله تعالى عليه كالوضوء.
- ٢- تفريج الأصابع عند الضرب لأنه أبلغ في إثارة الغبار فيكون أسهل وأمكن في تعيم الوجه بضربة واحدة.
- ٣- تخفيف التراب بعد الضرب بنفخ الكفين أو النفخ فيهما.

- 4) Menanggalkan cincin pada tepukan pertama. Manakala pada tepukan kedua wajib ditanggalkannya kerana disyaratkan meratai debu pada tempatnya. Jika ada mana-mana anggota tayammum yang tidak disapu debu itu, maka ianya tidak sah.
- 5) Memulakan menyapu bahagian atas muka seperti wuduk
- 6) Mendarulukan tangan kanan di atas tangan kiri.
- 7) Menyapu lengan (atas) bagi memanjangkan *tahjil* (menyapu bahagian atas daripada siku).
- 8) Menepuk tanah itu tidak melebihi daripada dua tepukan.
- 9) *Mualat* (berturut-turut) bagi orang yang bukan sentiasa berhadas. Namun bagi orang yang sentiasa berhadas, maka *Mualat* adalah wajib.
- 10) Mengadap Kiblat.
- 11) Berdoa setelah selesai tayammum seperti pada wuduk

#### \*\* Renungan

Dari Ammar bin Yasir r.a, bahawa Rasulullah saw berkata kepadanya: Sesungguhnya cukup untuk kamu berbuat demikian (bertayammun).

#### Perkara yang membatalkan tayammum

1. Setiap perkara yang membatalkan wuduk adalah membatalkan tayammum bagi yang berhadas kecil. Jika orang yang tayammum kerana berhadas besar dan kemudiannya dia berhadas kecil, maka batal tayammum yang mengantikan wuduk sahaja. Manakala tayammum bagi hadas besar, ia hanya batal dengan berlakunya hadas besar.
2. Hilangnya halangan dari menggunakan air, seperti mengetahui adanya air, kerana tayammum itu menggantikan air. Jika asalnya ditemui, maka batallah yang mengantikannya.

- ٤- نزع الخاتم في الصربة الأولى. أما الثانية، فيجب نزعه لأنّه يشترط استيعاب الغبار إلى موضعه. فإن بقي شيء من هذا لم يمسه غبار، لم يصح تيممها.
- ٥- البدء بمسح أعلى الوجه كالوضوء.
- ٦- تقديم اليمين من اليدين على اليسرى.
- ٧- مسح العضد تطويلا للتحجيل.
- ٨- عدم الزيادة على الضربتين.
- ٩- الملوأة لغير دائم الحدث. أما دائم الحدث، فالملوأة واجب عليه.
- ١٠- استقبال القبلة.
- ١١- الدعاء عقب الإنتهاء من التيمم كما في الموضوع.

\*\* التذكرة

عن عمر بن ياسر رضي الله عنه، أن رسول الله ﷺ قال له : إنما يكفيك أن تصنع هكذا

#### نواقص التيمم

- ١) كل ما يبطل الوضوء يبطل التيمم عن الحدث الأصغر. وإن كان متيمما عن حدث أكبر ثم أحدث حدثاً أصغر، فيبطل التيمم عن الوضوء فقط. أما التيمم عن الغسل، فلا يبطل إلا بحدث أكبر.
- ٢) زوال مانع عن استعمال الماء كالعلم بوجود الماء لأن التيمم بدل عن الماء. فإذا وجد الأصل؛ بطل البديل.

**Keadaan-keadaan melihat/menemui air:**

- i. Jika melihat air sebelum solat, maka batal tayammumnya dan perlu berwuduk.
  - ii. Jika melihat air semasa solat ditunaikan, maka tidak batal tayammumnya kecuali apabila dia di kalangan orang yang wajib mengulangi solat.
  - iii. Jika melihat air selepas solat, maka solatnya sah
3. Murtad dari Islam (semoga Allah SWT menghindarkan kita daripada perkara tersebut) : kerana tayammum adalah untuk membolehkan solat ditunaikan, sedangkan solat itu bertentangan dengan murtad (keluar dari agama Islam)

**Hikmah disyariatkan tayammum**

Antara hikmah disyariatkan tayammum:

1. Tayammum adalah keistimewaan umat nabi Muhammad saw, dan ia tidak ada pada umat-umat terdahulu. Allah swt mensyariatkannya untuk memudahkan kita, dan menolak kesulitan kepada kita apabila kita tidak menemui air atau tidak boleh menggunakanannya.
2. Menghilangkan Kesusahan yang mungkin terjadi kerana menggunakan air dalam sesetengah keadaan, seperti sakit atau terlalu sejuk dan sebagainya.
3. Sentiasa berterusan melakukan ibadat dan ianya tak terganggu disebabkan ketiadaan air.

**\*\* Renungan**

*Dari Abdullah bin Abbas r.a berkata : seorang lelaki telah luka (kepalanya) di zaman Rasulullah saw, kemudian dia bermimpi keluar mani, maka dia disuruh mandi. Lalu dia pun mandi, kemudian mati. Peristiwa tersebut sampai kepada Rasulullah saw, lalu baginda bersabda, "Celaka mereka itu, karena mereka telah membunuhnya ! Tidakkah ubat kejahilan itu ialah bertanya*

*(Hadis riwayat Abu Dawud)*

**(العي) :** jahil/tidak tahu

**ثم إن لرؤيه الماء حالات:**

- أ. إن رأى الماء قبل الصلاة؛ بطل تيممه ولا بد من الوضوء.
  - ب. إن رأى الماء أثناء الصلاة؛ لم يبطل تيممه إلا إذا كان من تلزم الإعادة.
  - ج. إن رأى الماء بعد الصلاة؛ فصلاته صحيحة.
- ٣) الردة عن الإسلام والعياذ بالله تعالى من ذلك: لأن التيمم لاستباحة الصلاة وهي متنافية مع الردة.

**حكمة مشروعية التيمم**

من حكم مشروعية التيمم:

١. التيمم من خصائص أمة نبينا محمد ﷺ ولم يكن موجوداً في الأمم السابقة. شرعه الله تيسيراً لنا، ودفعاً للمشقة عنا إذا لم نجد الماء أو لم يتيسر لنا استعماله.
٢. دفع الضرر الذي قد يحصل باستعمال الماء في بعض الحالات كالمرض أو شدة البرد، ونحو ذلك.
٣. دوام الصلة بالعبادة وعدم الانقطاع عنها بانقطاع الماء.

**\*\* التذكرة**

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبَّاسٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ أَصَابَ رَجُلًا حُرْخٌ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ ثُمَّ احْتَلَمَ فَأَمِرَّ بِالْإِغْتِسَالِ فَاغْتَسَلَ فَمَا تَبَعَّدَ فَبَلَغَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ " قَتْلُوْهُ قَتْلُهُمُ اللَّهُ أَكْبَرُ يَكُنْ شِفَاءُ الْعَيِّ السُّؤَالَ " العي : الجهل

**Pelaksanaan amali (Tayammum)**

Fathi : Bagaimana kita hendak bertayammum?

Shukri : Saya akan tunjukkan kepada kamu berdua cara untuk bertayammum terlebih dahulu, kemudian kamu berdua bertayammumlah selepas itu.

1. Membaca (بسم الله الرحمن الرحيم), kemudian menepuk tanah dengan kedua tangan kamu yang direngangkan jari-jarinya dengan satu tepukan.
2. Nipiskan debu (yang berada di tapak tangan)
3. Sapu muka kamu dengan tapak tangan kamu bermula dari bahagian atas muka sambil berniat dalam hati: "Sahaja aku bertayammum untuk melakukan solat fardu".
4. Kemudian tepuk kali kedua dengan tangan yang direngangkan jari jarinya.
5. Kemudian sapu tangan kanan kamu. Caranya dengan meletakkan jari tangan kiri kamu kecuali ibu jari di bawah jari tangan kanan kamu, di mana tidak keluar hujung jari tangan kanan dari ruas jari tangan kiri, dan dilakukan pada belakang telapak tangan.
6. Apabila sampai ke pergelangan , gengam hujung jari anda dan letakkan di hujung lengan, kemudian dilalukannya ke siku.
7. Kemudian pusingkan tangan sehingga tapak tangan berada di atas lengan dan menghadap ke bawah.
8. Sapu lengan dengan telapak tangan kiri anda dan melurutnya sambil mengangkat ibu jari
9. Apabila sampai ke pergelangan tangan, lurutkan ibu jari tangan kiri kamu ke bawah ibu jari tangan kanan.
10. Kemudian sapu tangan kiri kamu seperti (yang dilakukan pada) tangan kanan kamu.

**تطبيق العملي**

فتحي : كيف تنيم ؟

شكري : سأريكما كيفية التنيم أولاً، ثم قوما بالتنيم بعد ذلك.

- ١ سم الله، ثم اضرب التراب بيديك مفرجي الأصابع ضربة واحدة.

- ٢ خفف التراب

- ٣ امسح وجهك بباطن يديك بادئا من الأعلى، ناويا بقلبك : "نويت استباحة فرض الصلاة".

- ٤ ثم اضرب التراب بيديك مفرجي الأصابع ضربة أخرى.

- ٥ ثم امسح يدك اليمنى. ويكون ذلك بوضع بطون أصابع يدك اليسرى، سوى الإيمام تحت أصابع يدك اليمنى، بحيث لا تخرج أنابيل اليمنى عن مسبحة اليسرى، وتمرها على ظهر الكف.

- ٦ فإذا بلغ الكوع، تقبض أطراف أصابعك وبجعلها على طرف الذراع، ثم تمرها إلى المرفق.

- ٧ ثم تدير المرفق بحيث يصبح بطون الذراع متوجهها إلى الأسفل.

- ٨ تمسح بطون الذراع بكفك اليسرى فتمره عليه رافعا إيمامك.

- ٩ فإذا بلغ الكوع، تمر إيمام يدك اليسرى على إيمام يدك اليمنى.

- ١٠ ثم تمسح كفك اليسرى بكفك اليمنى كذلك.

**HAID, NIFAS DAN ISTIHADAH****Definisi Haid, Nifas Dan Istihadah**

*Haid* dari sudut **bahasa** : Cecair yang mengalir. Ungkapan : "Tasik itu mengalir" apabila airnya mengalir.

*Haid* dari sudut istilah **syarak** : Darah semulajadi yang keluar dari pangkal rahim perempuan yang sihat selepas usia balighnya pada waktu tertentu yang bukan disebabkan kelahiran atau penyakit.

*Nifas* dari sudut **bahasa** : Kelahiran.

*Nifas* dari sudut istilah **syarak** : Darah yang keluar selepas kosongnya rahim sejurus kelahiran. Dinamakan nifas kerana darah itu keluar sejurus keluarnya bayi (nyawa). Dikatakan untuk perempuan sebagai *nufasa'*.

*Istihadah* dari sudut **bahasa** : Darah yang mengalir pada bukan waktu kitaran haid yang mana ianya keluar dari urat (di pangkal rahim).

*Istihadah* dari sudut istilah **syarak** : Darah penyakit yang keluar dari pangkal rahim perempuan pada bukan waktu haid dan nifas.

**Warna darah haid ada lima jenis:**

Paling kuat warnanya merah kehitaman panas dan pedih, merah, perang, kuning kemudiannya keruh.

**الحيض والنفاس والاستحاضة****تعريف الحيض والنفاس والاستحاضة**

**الحيض** لغة : السيلان. يقال: "حاص الوادي" إذا سال ماؤه.

**واصطلاحاً** : دم جبلة يخرج من أقصى رحم المرأة على سبيل الصحة بعد بلوغها في أوقات متعددة من غير سبب الولادة والعلة.

**النفاس** لغة : الولادة.

**واصطلاحاً** : الدم الخارج بعد فراغ الرحم من الحمل عقب الولادة. ويسمى نفاساً لأنه يخرج عقب خروج النفس، ويقال للمرأة نفساء.

**الاستحاضة** لغة : سيلان الدم في غير وقته من العرق.

**واصطلاحاً** : دم علة ومرض يخرج من عرق من أدنى الرحم في غير أوقات الحيض والنفاس.

لون الحيض خمسة فالأقوى أسود محتمد لذاع ثم الأحمر ثم الأشقر ثم الأصفر ثم الأكدر.

## سن الحيض

أقل سن الحيض تسعة سنوات قمرية. السنة القمرية ثلاثة وأربعين مائة وأربعة وخمسون يوماً. فلو رأت المرأة دماً قبل تمام التسع بزمن يضيق عن حيض وظهر بأن كان أقل من ستة عشر (١٦) يوماً فهو حيض، وإلا فهو دم استحاضة. ولا حد لأكثر سن تحبيب فيه المرأة، إذ يمكن أن تكثف المرأة فيه إلى حلول الموت.

## أقل مدة الحيض والنفاس وأكثرها

أجلب مدته	أكبر مدته	أقل مدته	نوع الدم
٦ أو ٧ أيام بلياليها	١٥ يوماً بلياليها	يوم وليلة	الحيض
٤٠ يوماً بلياليها	٦٠ يوماً بلياليها	لحظة	النفاس

بناء على هذا، نعرف أن أقل طهر فاصل بين حيبيتين هو خمسة عشر يوماً بلياليها. وذلك لأن الشهر غالباً لا يخلو من حبيب وطهر. وإذا كان أكثر الحبيب خمسة عشر، لزم أن يكون أقل الطهر كذلك خمسة عشر يوماً بلياليها. فإذا استمر الدم أكثر من مدة الحبيب فهو استحاضة.

## ما يحرم بالحيض والنفاس

يحرم بالحيض والنفاس أمور، منها:

### ١. الصلاة

يحرم على الحائض أو النفاس أن تصلي فرضاً أو نفلاً، ويحرم عليها أيضاً سجود التلاوة والشகر. ولا تقضى المرأة إذا ظهرت من الحبيب ما تركت من الصلوات أثناء الحبيب، لما في قضاء الصلاة من الحرج والمشقة لترك الصلاة وتعددها.

Usia yang paling awal datangnya haid ialah 9 tahun hijrah, 354 hari. Jika perempuan melihat darah keluar sebelum cukup 9 tahun dalam tempoh yang singkat antara haid dan suci seperti tempoh yang kurang dari 16 hari maka ia adalah haid. Sekiranya tidak maka ia adalah darah istihadah.

Tidak ada had usia yang paling lewat perempuan datang haid, kerana seseorang perempuan itu boleh datang haid sehingga ke usia dia meninggal dunia.

### Tempoh haid dan nifas yang paling singkat dan yang paling lama

Jenis darah	Tempoh yang paling singkat	Tempoh yang paling lama	Tempoh yang biasa
Haid	Sehari semalam	15 hari serta malamnya	6 atau 7 hari serta malamnya
Nifas	sedetik	60 hari serta malamnya	40 hari serta malamnya

Berdasarkan kenyataan ini, kita dapat mengetahui bahawa sekurang-kurang tempoh suci yang memisahkan antara dua haid ialah 15 hari serta malamnya. Ini kerana dalam sebulan itu biasanya tidak sunyi daripada waktu haid dan suci. Apabila tempoh haid yang paling lama adalah 15 hari serta malamnya, maka mestilah tempoh suci yang paling singkat adalah 15 hari serta malamnya. Apabila darah terus keluar lebih daripada tempoh haid maka darah itu adalah darah istihadah.

### Perkara yang diharamkan kerana haid dan nifas

Perkara yang diharamkan kerana haid dan nifas, antaranya:

#### 1. Solat

Diharamkan ke atas perempuan dalam keadaan haid atau nifas melakukan solat fardu atau sunat, begitu juga sujud tilawah dan sujud syukur.

Apabila perempuan itu telah suci daripada haid, ia tidak perlu qada' solat yang ditinggalkan semasa haid, kerana menjadikan solat tersebut terdapat kesukaran dan berat disebabkan berulangnya solat tersebut dan banyak bilangannya.

**\*\* Renungan**

Rasulullah saw berkata kepada Fatimah binti Abu Hubaisy r.ha :  
“Apabila kamu didatangi haid maka tinggalkanlah solat”  
(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

**2. Puasa**

Diharamkan ke atas perempuan dalam keadaan haid atau nifas berpuasa sama ada puasa wajib atau sunat, tetapi wajib ke atasnya menggantikan puasa Ramadan setelah suci kerana menggantikan puasa tidaklah berat berbeza dengan menggantikan solat

**3. Membaca al Quran**

Diharamkan ke atas perempuan dalam keadaan haid atau nifas membaca al Quran walaupun satu ayat. Tidak diharamkan baginya apabila membaca al Quran di dalam hati, melihat al Quran atau menggerakkan lidahnya dan membisikannya untuk membaca al Quran tanpa didengari oleh dirinya sendiri. Semua itu tidak haram kerana tidak dinamakan membaca. Tidak diharamkan baginya membaca ayat-ayat al Quran tertentu dengan niat zikir.

**4. Menyentuh al Quran dan membawanya**

Diharamkan ke atas perempuan dalam keadaan haid atau nifas menyentuh mashaf al Quran. Mashaf ialah nama sesuatu yang ditulis kalam Allah swt. Maksudnya setiap apa yang ditulis di atasnya kalam Allah swt walaupun tiang, kepingan kayu atau seumpamanya. Diharamkan juga membawa mashaf al Quran, walaupun mengandungi barang lain jika diniatkan membawanya sahaja. Namun sekiranya diniatkan membawa barang atau niat membawa al Quran dan barang, maka tidaklah haram. Begitu juga tidak haram membawa tafsir al Quran yang bercampur ayat-ayat dan tafsirnya dan tafsirnya itu lebih banyak daripada ayat al Quran. Sekiranya perempuan tersebut bimbang al Quran akan terbakar, terkena najis atau jatuh ke tangan orang kafir, maka wajib dia membawanya.

**\*\* التذكرة**

قال رسول الله ﷺ لفاطمة بنت أبي حبيش رضي الله عنها: "إِذَا أَقْبَلَتْ حِيْضُرْتُكَ فَدُعِيَ الصَّلَاةُ". (متفق عليه)

**٢. الصوم**

يحرم على الحائض أو النفساء أن تصوم فرضاً أو نفلاً، ولكن عليها أن تقضى صوم رمضان في الطهر وجوباً، لأن قضاء الصوم غير شاق بخلاف قضاء الصلاة.

**٣. قراءة القرآن**

يحرم على الحائض أو النفساء قراءة القرآن ولو آية منه. ولا يحرم عليها إذا أجرت القرآن على قلبها، أو نظرت في المصحف، أو حركت لسانها وهمست همساً بحيث لا تسمع نفسها، فكل ذلك لا يحرم لأنه لا يسمى قراءة. ولا يحرم عليها أيضاً قراءة الآيات القرآنية المعينة بنية الذكر.

**٤. مس المصحف وحمله**

يحرم على الحائض أو النفساء مس المصحف، والمصحف اسم المكتوب من كلام الله، والمراد به كل ما كتب عليه كلام الله ولو عموداً أو لوها أو نحو ذلك. ويحرم أيضاً حمل المصحف ولو ضمن أمتعة إن قصد حمله هو فقط، أما إن قصد حمل المtau أو قصد حمله والم tau، فلا حرمة. كذلك لا حرمة في حمل تفسيره الذي مزجت فيه آياته بتفسيرها وكان التفسير أكثر منه. أما إن خافت على المصحف من حريق أو بخasse أو وقوع بيد كافر، فعليه أن تحمله.

Seorang perempuan apabila datang haid tidak sepatutnya terus meninggalkan ibadah-ibadah lain, tetapi dia boleh melibatkan diri dalam beberapa ibadah dan melakukan beberapa perkara yang boleh mendekatkan diri kepada Allah swt dan meningkatkan keimanannya. Antaranya mempelajari ilmu agama, berzikir, mendampingi orang-orang baik, membaca buku-buku agama dan amalan baik yang lain.

### 5. Tinggal/duduk di dalam masjid

Diharamkan ke atas perempuan dalam keadaan haid atau nifas tinggal di dalam masjid dan berulang alik di dalamnya. Melintasi ruang dalaman masjid kerana mengambil sesuatu, melintasi untuk sampai ke bahagian keluar yang lain atau seumpamanya adalah harus. Ini dengan syarat dia yakin dirinya tidak mengotorikan masjid. Melintasi ruang dalaman masjid tanpa keperluan, hukumnya makruh sekalipun tidak mengotorinya. Gambaran “melintasi masjid” ialah masjid itu terdapat dua pintu, perempuan itu masuk dari satu pintu dan keluar dari pintu yang lain. Namun jika dia berulang alik (masuk dan keluar dari pintu yang sama) adalah tidak boleh.

### 6. Tawaf

Diharamkan ke atas perempuan dalam keadaan haid atau nifas melakukan tawaf di Baitullah kerana tawaf adalah seperti solat, tetapi Allah swt membenarkan untuk bercakap perkara yang baik semasa tawaf, sama ada tawaf fardu seperti tawaf *ifadah* atau tawaf wajib seperti tawaf *wada'* atau tawaf sunat seperti tawaf *qudum*.

### 7. Bersetubuh

Diharamkan ke atas perempuan dalam keadaan haid atau nifas melakukan persetubuhan pada faraj, iaitu jimak (bersetubuh) atau persetubuhan di dubur iaitu liwat. Diharamkan juga ke atas kedua-dua golongan ini *istimta'* (berseronok-seronok) dan menyentuh pada bahagian antara pusat dan lutut, kerana berseronok-seronok pada bahagian tersebut sekalipun tanpa syahwat, kadang-kadang akan mendorong kepada jimak. Pada bahagian selain dari bahagian ini, menyentuh/memegangnya adalah dibenarkan

لا ينبغي للمرأة إذا جاءها الحيض أن يحملها على ترك العبادات الأخرى، بل يمكنها أن تزاول بعض العبادات وتعمل بعض الأعمال التي تقربها إلى الله وتزيد إيمانها. ومن ذلك دراسة العلم الشرعي والإتيان بالأذكار ومحالسة أهل الخير ومطالعة كتب دينية وغير ذلك من أعمال الخير.

### ١. اللبس في المسجد

يحرم على الحائض والنفساء اللبس في المسجد والتردد فيه. أما العبور لأخذ شيء أو للوصول إلى جانب آخر من الطريق أو غير ذلك، فجائز بشرط أن تستوثق من نفسها وتأمن التلوث. أما عبورها المسجد بلا حاجة ، فمكروه ولو أمنت التلوث. وصورة العبور أن يكون للمسجد باباً فتدخل من أحدهما وتخرج من الآخر. أما إن كان ترددًا، فلا يجوز.

### ٢. الطواف

يحرم على الحائض والنفساء الطواف بيت الله الحرام؛ لأن الطواف بمنزلة الصلاة إلا أن الله أحل فيه الكلام بغير سواء كان الطواف فرضًا كطواف الإفاضة، أو واجباً كطواف الوداع، أو نفلاً كطواف القدوم.

### ٣. الوطء

يحرم على الحائض والنفساء الوطء في الفرج وهو الجماع أو في الدبر وهو اللواط. كما يحرم عليهم الاستمتاع والمبشرة بما بين السرة والركبة؛ لأن الاستمتاع بما بينهما ولو بلا شهوة قد يدعوه إلى الجماع. فما سوى ذلك، فمبشرته جائز

#### 4. Bercerai

Diharamkan ke atas suami menceraikan isterinya dalam tempoh haid dan nifas kerana ia akan memanjangkan tempoh iddah perempuan haid. Maka tempoh iddah talak dikira selepas berakhirnya tempoh haid dan nifas. Ini menyusahkan kedua-duanya.

Perkara-perkara ini adalah haram dengan sebab haid dan nifas. Manakala istihadah tidak membatalkan wuduk dan tidak diwajibkan mandi, tetapi wajib ke atasnya solat dan puasa. Perempuan yang istihadah perlu membasuh darah tersebut dan melekatkan sesuatu pada tempat keluar darah, lalu berwuduk bagi setiap kali solat fardu dan menunaikan solat..

#### Perkara yang diharamkan kerana berjunub

*Janabah* berlaku dengan sebab keluar air mani atau persetubuhan. Berjunub adalah tidak suci. Diharamkan kerana berjunub beberapa perkara yang juga diharamkan ke atas perempuan haid dan nifas iaitu:

1. Solat
2. Menyentuh al Quran dan membawanya
3. Membaca al-Quran
4. Duduk dalam masjid dan berulang alik di dalamnya
5. Tawaf

Perkara berikut semuanya adalah haram dengan sebab haid dan nifas tetapi tidak haram dengan sebab junub.

1. Puasa
2. Bersetubuh
3. Bercerai

#### ٨. الطلاق

يحرم على الزوج تطبيق امرأته في مدة الحيض والنفاس لأنه يطيل عدة الحائض ، فإن مدة الطلاق تحسب بعد انتهاء مدة الحيض والنفاس. وهذا ضرر عليهمما.

هذه الأمور محظمة بالحيض والنفاس، أما الاستحاضة فلا تنقض الوضوء، ولا توجب الغسل، بل يجب عليها الصلاة والصوم. فالاستحاضة تغسل الدم، وترتبط على موضعه، وتتوضاً لكل فرض، وتصلبي.

#### ما يحرم بالجنابة

الجنابة يكون بسبب إنزال أو جماع فالجنب غير ظاهر، فيحرم على الجنب بعض ما يحرم على الحائض والنفاس، وهي:

١. الصلاة
٢. مس المصحف وحمله
٣. قراءة القرآن
٤. اللبس في المسجد والتردد فيه
٥. الطواف

هذه الأمور كلها محظمة بالحيض والنفاس، ولا يحرم بالجنابة :

١. الصوم
٢. الطلاق

**SOLAT****Definisi Solat (Sembahyang)**

*Solat* dari sudut **bahasa** : Mendoakan kebaikan.

Firman Allah swt :

“dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.  
(Surah at Taubah : 103)

*Solat* dari sudut istilah **syarak** : Perkataan dan perbuatan khusus yang dimulai dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam.

Dinamakan sebagai solat kerana ianya mengandungi doa dan ia juga merupakan sebahagian besar ibadat solat.

**Pensyariatan Solat**

Solat adalah antara ibadah yang telah lama disyariatkan.

Allah swt telah menyebut tentang nabi Ismail a.s :

“Dan adalah dia menyuruh keluarganya mengerjakan sembahyang dan memberi zakat, dan dia pula adalah seorang yang direndai di sisi Tuhan-Nya”.  
(Surah Maryam : 55)

Firman Allah swt melalui nabi Isa a.s :

“dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup”.  
(Surah Maryam : 31)

Semua ini adalah berkaitan dengan umat terdahulu. Manakala dalil disyariatkan solat kepada umat Islam adalah banyak, antaranya :

1. Firman Allah swt :

“Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya”.  
(Surah an Nisa' : 103)

\*\* perbendaharaan kata

kefarduan (ketetapan) yang diwajibkan

ditentukan pada waktu tertentu

**الصلوة****تعريف الصلاة**

تطلق الصلاة لغة على الدعاء بخир.

قال الله تعالى: وَصَلَّى عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكُمْ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ  
(سورة التوبه ٩ : ١٠٣)  
أي ادع الله لهم بالغفرة.

وتطلق الصلاة اصطلاحا على أقوال وأفعال مخصوصة، تفتح بالتكبير وتحتتم بالتسليم.  
سميت صلاة لأنها تشمل على الدعاء وأنه الجزء الغالب فيها.

**مشروعية الصلاة**

الصلاحة من العبادات القديمة في مشروعيتها.

فقد قال تعالى عن سيدنا إسماعيل عليه السلام: وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاءِ  
وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ مَرْضِيًّا  
(سورة مریم : ٥٥)

وقال تعالى على لسان عيسى عليه السلام: وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاءِ مَا دُمْتُ حَيًّا  
(سورة مریم : ٣١)

هذا بالنسبة للأمم السابقة. وأما الأدلة في مشروعية الصلاة على هذه الأمة فكثيرة، منها :

1. قول الله تعالى : إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا  
(سورة النساء : ١٠٣)

\* معان الكلمات

كتاباً : مفروضا محتما

موقوتاً : مؤقتا بأوقات مخصوصة

2. Sabda Rasulullah saw : daripada Ibnu Abbas bahawa nabi saw telah mengutus Muaz ke Yaman lalu berkata (kepadanya): "Serulah mereka sehingga memperakui dan beriman bahawa tiada tuhan selain Allah dan aku adalah pesuruh Allah. Sekiranya mereka telah taat kepadamu maka beritahulah mereka sesungguhnya Allah telah mewajibkan kepada mereka solat lima waktu setiap hari dan malamnya".

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

### Hukum Solat 5 waktu

Solat merupakan rukun yang paling penting daripada 5 rukun Islam. Ia merupakan satu tiang daripada tiang-tiang agama yang menjadi teras agama Islam. Oleh kerana itulah, nabi saw bersabda : "Islam didirikan di atas 5 perkara : memperakui bahawa tiada tuhan selain Allah dan nabi Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, haji serta berpuasa di bulan Ramadan". (hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Umat Islam telah sepakat bahawa solat 5 waktu adalah fardu ain ke atas setiap orang Islam yang sampai umur (ditaklifkan syarak), berakal di kalangan lelaki dan perempuan. Dan Tidak ada solat lain yang menjadi fardu ain selain solat 5 waktu ini sahaja.

Perkara ini adalah untuk setiap orang Islam yang telah sampai umur (dipertanggungjawabkan oleh syarak), berakal di kalangan lelaki dan perempuan. Manakala kanak-kanak hendaklah disuruh menunaikan solat selepas sampai usia 7 tahun sebagai latihan untuknya dengan ibadat solat ini. Diharuskkan memukul dengan niat mendidik apabila dia meninggalkan solat selepas berumur 10 tahun, pukulan itu adalah dengan pukulan yang tidak melukarkan dan menyakitkan, sebagaimana Rasulullah saw bersabda : Suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika berumur 7 tahun dan pukullah mereka (jika meninggalkannya) ketika berumur 10 tahun".

(hadis riwayat Abu Daud)

### \*\* Renungan

Dari Isa bin Hilal as Sodafi dari Abdullah bin Amru r.a dari nabi saw, pada suatu hari baginda menyebut tentang solat, sabdanya: "Sesiapa yang menunaikan solat pada waktunya, maka baginya cahaya, petunjuk dan pertolongan pada hari akhirat. Sesiapa yang tidak menjaganya, maka tiadalah baginya cahaya, petunjuk atau pun pertolongan, dan pada hari kiamat, dia akan dihimpunkan bersama dengan Qarun, Firaun, Haman dan Ubai bin Khalaf".

(hadis riwayat Ahmad - Ibnu Hibban mengatakan hadis ini sahih)

٢. قول الرسول ﷺ : عن ابن عباس أن النبي بعث معاذ إلى اليمن فقال: ادعهم إلى شهادة أن لا إله إلا الله وأنى رسول الله، فإن هم أطاعوك لذلك فاعلمهم أن الله قد افترض عليهم خمس صلوات في كل يوم وليلة (رواه البخاري ومسلم)

### أحكام الصلوات الخمس

الصلاوة من أهم أركان الإسلام الخمسة. وهي عماد من الأعمدة التي بني عليها الإسلام. لذلك قال الرسول ﷺ : بُنِيَ الإِسْلَامُ عَلَىٰ خَمْسٍ: شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وِإِقَامُ الصَّلَاةِ، وِإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجَّ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ.

(رواه البخاري ومسلم)

وقد أجمعت الأمة على أن الصلوات الخمس فرض عين على كل مسلم بالغ عاقل ذكر وأنشى، وعلى أنه لا تكون الصلاة فرض عين من الصلوات سواهن.

هذا بالنسبة لكل مسلم بالغ عاقل ذكر وأنشى. وأما الصغير فيؤمر بها إذا بلغ سبع سنين تقرينا له على هذه الصلاة. ويضرب تأديبها إذا تركها بعد بلوغه عشر سنين ضربا غير مبرح ولا موجع. كما قال رسول الله ﷺ : مُرُوا أَوْلَادُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعَ سِنِينَ ، وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرَ سِنِينَ (رواه أبو داود)

### \*\* التذكرة

عن عيسى بن هلال الصدفي عن عبدالله بن عمرو رضي الله عنهما عن النبي ﷺ أنه ذكر الصلاة يوما فقال : من حافظ عليها كانت له نوراً وبرهاناً ونجاة يوم القيمة، ومن لم يحافظ عليها لم يكن له نور ولا برهان ولا نجاة، وكان يوم القيمة مع قارون وفرعون وهامان وأبي بن حلف (رواه أحمد وصححه ابن حبان)

## Hukum Meninggalkan Solat

- |                                 |                 |
|---------------------------------|-----------------|
| 1. Kerana malas                 | : Fasik         |
| 2. Kerana terlupa atau tertidur | : Tidak berdosa |
| 3. Mengingkarinya               | : kufur         |

Meninggalkan solat fardu ini dengan sengaja adalah haram dan merupakan salah satu dari dosa besar. Manakala meninggalkannya dengan mengingkari (tidak mengiktiraf) kewajipan solat maka hukumnya adalah murtad (terkeluar dari agama Islam), kerana telah mengingkari perkara asas yang telah dimaklumi dalam agama.

Kebanyakan ulamak dari pelbagai mazhab telah bersepakat bahawa orang yang meninggalkan solat itu wajib menggantikannya semula sama ada meninggalkannya kerana terlupa atau secara sengaja dengan perbezaan berikut :

- Orang yang meninggalkan solat dengan keuzuran seperti terlupa atau tertidur, tidak berdosa dan wajib menggantikannya semula.

Dalil wajib menggantikan solat yang ditinggalkan, sabda nabi saw : "Sesiapa yang tertidur dari menunaikan solat atau terlupa akannya, maka laksanakan solat tersebut ketika sedar. Tiada kaffarah (denda) ke atasnya selain menggantikan semula solat tersebut".

(hadis riwayat Bukhari)

Sabda nabi : (لا كفارة لها إلا ذلك) menunjukkan bahawa perlunya menggantikan semula solat fardu yang luput sekalipun banyak bilangannya dan telah lama masanya.

- Orang yang meninggalkan solat tanpa keuzuran adalah berdosa dan wajib segera menggantikan semula solat fardu yang luput itu.

## Syarat wajib solat

S – Siapakah yang wajib solat ?

J – Solat itu wajib ke atas setiap orang Islam, yang telah sampai umur (ditaklifkan syarak), berakal, suci daripada haid dan nifas (hanya bagi perempuan).

## حكم تارك الصلاة

- |                     |               |
|---------------------|---------------|
| ١. كسر              | : فسق         |
| ٢. نسياناً أو نوماً | : لا إثم عليه |
| ٣. جحوداً           | : كفر         |

ترك الصلوات المكتوبة متعمداً محظوظاً وكبيرة من الكبائر. وأما من تركها حاجداً لوجوهاً فمرتدٌ لأنكاره ما هو معلوم من الدين بالضرورة.

وقد اتفق جمهور العلماء على مختلف المذاهب على أن تارك الصلاة يكلف بقضائها، سواء تركها نسياناً أم عمداً، مع الفارق التالي :

- تارك الصلاة بعدر كنسيان أو نوم، لا يأثم ويجب حتماً عليه القضاء. ودليل وجوب القصاص للصلاة المتروكة قوله ﷺ : من نام عن الصلاة أو نسيها فليصلها إذا ذكرها، لا كفاره لها إلا ذلك. (رواه البخاري)

قوله : " لا كفاره لها إلا ذلك" يدل على أنه لا بد من قضاء الفرائض الفائتة، مهما كثر عددها أو بعد زمانها.

- تارك الصلاة بغير عذر يأثم وتحب عليه المبادرة إلى قضائها.

## شروط وجوب الصلاة

س : من تحب عليه الصلاة ؟

ج : تحب الصلاة على كل مسلم، بالغ عاقل، ظاهر من الحيض والنفاس خاصة للأئم.

Bil	Syarat	Penerangan
1	Islam	Tidak wajib solat ke atas orang yang asalnya kafir, tetapi wajib ke atas orang murtad
2	Berakal	Tidak wajib ke atas orang gila atau pengsan kerana ia di luar pemikiran mereka
3	Baligh	Tidak wajib ke atas kanak-kanak kecil yang belum <i>baligh</i> (sampai umur dipertanggungjawbkan oleh syarak)
4	Suci daripada darah haid dan nifas	Tidak wajib ke atas perempuan haid dan nifas kerana tidak sah solat kedua-duanya; kerana terdapat halangan untuk melakukan solat iaitu hadas besar yang ada pada mereka. Bahkan kedua-duanya diwajibkan meninggalkan solat dan haram melakukannya.

### Syarat Sah Solat

Syarat Sah Solat : ialah perkara yang menjadikan sahnya solat, sekiranya salah satu syarat tersebut rosak, maka solat itu tidak sah

Bil	Syarat	Penerangan
1	Masuk waktu	Tidak sah solat sebelum masuknya waktu
2	Menutup Aurat	Seseorang yang solat dalam keadaan terbuka auratnya, maka solatnya tidak sah
3	Suci daripada hadas	Suci daripada hadas besar dan kecil. Seseorang yang solat dalam keadaan berhadas, maka tidak sah solatnya
4	Suci daripada najis	Seseorang yang solat itu wajib menjauhi najis daripada badan, pakaian dan tempat solatnya. Seseorang yang solat dan terdapat najis padanya dan dia mengetahui kewujudannya atau diberi peringatan padanya tentang najis tersebut, maka solatnya tidak sah
5	Mengadap kiblat	Seseorang yang solat fardu tidak mengadap kiblat sedangkan dia mampu mengadap kiblat, maka solatnya batal.

رقم	شروط	بيان
١	الإسلام	فلا تجحب الصلاة على كافر أصلي ولكن تجحب على المرتد
٢	العقل	لا تجحب الصلاة على مجنون لعدم إدراكه ولا على مغمى عليه
٣	البلوغ	لا تجحب الصلاة على صبي صغير قبل بلوغه
٤	الطهارة من الحيض والنفاس	لا تجحب الصلاة على حائض أو نفساء لعدم صحتها منها؛ لقيام المانع منها وهو الحدث الأكبر فيهما، بل مكلفتان بتركها ويجرم فعلها

### شروط صحة الصلاة

شروط صحة الصلاة : هي ما تتوقف عليها صحة الصلاة، بحيث إذا اخلت شرط من هذه الشروط فالصلاحة غير صحيحة.

رقم	الشروط	البيان
١	دخول الوقت	فلا تصح الصلاة قبل دخول وقتها
٢	ستر العورة	فمن صلى وهو كاشف لعورته، فإن صلاته لا تصح
٣	الطهارة من الحدث	الطهارة من الحدث الأكبر والأصغر، فمن صلى وهو محدث، فصلاته باطلة
٤	الطهارة من النجس	يجب على المصلي أن يتجنب النجاسة في البدن والثوب والمكان. فمن صلى وعليه نجاسة عالما بما ذاكرا لها، فإن صلاته لا تصح.
٥	استقبال القبلة	من صلى فريضة إلى غير القبلة، وهو قادر على استقبالها، فإن صلاته باطلة

## Rukun solat

### erti rukun :

Rukun sesuatu perkara adalah bahagian utama perkara tersebut seperti pintu bagi sebuah rumah. Bahagian solat adalah rukun-rukunnya, seperti berdiri, rukuk dan sebagainya. Solat itu tidak lengkap dan tidak sah kecuali sempurna semua bahagiannya dari segi bentuk dan susunan yang datangnya dari Rasulullah saw, dari Jibril a.s. Bilangan rukun solat dapat dirumuskan pada tiga belas rukun sama ada bacaan, perbuatan ataupun hati.

Marilah kita mempelajarinya satu persatu secara terperinci:

#### 1. Niat

Keinginan kepada sesuatu perkara, disertakan pada awal perbuatan dan tempatnya adalah di dalam hati. Niat ini hanya sah apabila ianya disertakan pada takbiratul ihram, yang mana hatinya sedar untuk berniat solat ketika menyebut takbiratul ihram (الله أكابر) dan sunat melafazkan niat itu dengan lidah.

Syarat-syarat niat adalah seperti berikut:

1. Keinginan melakukan solat untuk membezakannya daripada perbuatan-perbuatan lain.
2. Berniat solat fardu, sekiranya seseorang itu tidak berniat melakukan solat fardu maka solat tersebut dikira sebagai solat sunat.
3. Menentukan niat untuk membezakan dari solat-solat lain seperti solat Zohor , solat Asar atau solat Jumaat.

Contoh lafadz niat solat Zohor:

“Sahaja aku solat fardu Zohor 4 rakaat kerana Allah Taala”.

### معنى الركن:

رَكْنُ الشَّيْءِ مَا كَانَ جَزءًا أَسَاسِيًّا مِنْهُ، كَالبَابُ مِنَ الْبَيْتِ، فَأَجْزَاءُ الصَّلَاةِ إِذَا أَرْكَانُهَا كَالْقِيَامِ وَالرَّكْوَعِ وَنَحْوُهُمَا. وَلَا يَتَكَامِلُ وَجْهُ الصَّلَاةِ وَلَا تَتَوَفَّ صَحْتُهَا إِلَّا بِأَنْ يَتَكَامِلَ فِيهَا جَمِيعُ أَجْزَائِهَا بِالشَّكْلِ وَالتَّرْتِيبِ الْوَارِدِينَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، عَنْ جِبْرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ. وَيَتَخَلَّصُ عَدْدُ أَرْكَانِ الصَّلَاةِ فِي ثَلَاثَةِ عَشَرَ رَكْنًا قُولِيًّا وَفَعْلِيًّا وَقَلْبِيًّا. هِيَا تُعْرَفُ عَلَى كُلِّ وَاحِدٍ مِنْهَا عَلَى حَدِّهِ:

#### ١. النية

النية هي قصد الشيء، مقتربنا بأول أجزاء فعله، ومحملها القلب. ولا بد لصحتها أن تقترن بتكبيرة الإحرام، بحيث يكون قلبه متيقظاً أثناء التلفظ بالتكبير إلى قصد الصلاة ويسن تلفظها باللسان.

وتشترط في النية الأمور الآتية:

- أ) قصد فعل الصلاة لتميز عن سائر الأفعال.
- ب) نية الفرضية، فإذا أطلق دون أن ينوي الفرضية وقعت الصلاة نفلا.
- ج) تعينها لتميز عن غيرها من كونها ظهراً أو عصر أو جمعة.

مثال لفظ نية صلاة الظهر :

أصلبي فرض الظهر أربع ركعات الله تعالى

## 2. Berdiri bagi orang yang mampu pada solat fardu

Berdiri adalah wajib pada solat fardu. Manakala pada solat sunat ia adalah sunat. Seseorang itu dikira berdiri apabila ia tegak pendiriannya, jika dia membungkuk tanpa keuzuran yang mana telapak tangannya dapat menyentuh lututnya, maka solatnya tidak sah.

## 3. Takbiratul ihram

Wajib melafazkan (الله أكْبَر) dan tidak salah menambahkan perkataan yang tidak merosakkan maknanya seperti (الله الأكْبَر) atau (الله الجليل أكْبَر) atau (الله هو الأكْبَر). Sekiranya ditambah perkataan yang bukan dari sifat-sifat Allah swt seperti : (أكْبَر الله) atau mengubah bentuk ayatnya seperti (أكْبَر الله هو الأكْبَر), maka tidak sah takbir tersebut.

## 4. Membaca surah al Fatihah

Ia merupakan rukun pada setiap rakaat sama ada orang yang solat itu sebagai imam, makmum atau seorang diri, sama ada solat itu bacaannya perlahan atau nyaring, solat fardu atau sunat.

## 5. Rukuk

Keadaan rukuk paling minimum adalah menundukkan badan sekadar yang termampu dalam keadaan dua pergelangan tangan memegang kedua-dua lututnya.

Keadaan rukuk paling sempurna adalah menundukkan badan sehingga belakang badannya menjadi sama dan lurus .

Syarat-syarat rukuk adalah seperti berikut:

- 1- Tidak diniatkan dengan menundukkan badan itu untuk tujuan yang lain dari rukuk. Jika menundukkan badan itu kerana takutkan sesuatu, kemudian berterusan dalam keadaan tersebut dengan niat menjadikannya sebagai rukuk, maka tidak sah rukuknya. Bahkan dia wajib kembali berdiri kemudian menundukkan badan dengan niat rukuk.

Hendaklah bertenang seketika semasa rukuknya. Sekurang-kurangnya diam seketika selepas satu pergerakan.

## ٢. القيام مع القدرة في الصلاة المفروضة

القيام واجب في الصلوات المفروضة، أما النافلة فيسن القيام فيها. وإنما يعتبر الشخص قائماً إذا كان منتصب القامة، فإذا انحنى دون عذر بحيث أمكن أن تلامس راحته يده ركبته، بطلت صلاته.

## ٣. تكبيرة الإحرام

لا بد من لفظ "الله أكْبَر"، ولا تضر زيادة لا تمنع الاسم كـ "الله الأكْبَر"، أو "الله الجليل أكْبَر". فلو زيدت كلمة ليست من صفات الله تعالى، كقوله: "الله هو الأكْبَر" أو غير الصيغة كأن قال: "أكْبَر الله"، لم يصح التكبير.

## ٤. قراءة سورة الفاتحة

وهي ركن في كل ركعة سواء كان المصلي إماماً أو مأموماً أو منفرداً، وسواء كانت الصلاة سرية أو جهرية، فريضة أو نافلة.

## ٥. الركوع

أقله أن ينحني المصلي قدر ما يمكنه من بلوغ راحتيه لركبته. وأما أكمله فهو أن ينحني بحيث يستوي ظهره أفقياً. ويشترط في الركوع ما يلي:

أ) أن لا يقصد بانحنائه شيئاً آخر غير الركوع، ولو انحنى خوفاً من شيء، ثم استمر منحنياً قاصداً أن يجعله ركوعاً لم يصح ركوعه، بل يجب أن يعود قائماً ثم ينحني بقصد الركوع.

ب) أن يطئن في انحنائه، وأقله سكون بعد الحركة.

**6. I'tidal**

I'tidal ialah berdiri seketika yang memisahkan rukuk dan sujud. Apabila seseorang itu mengangkat kepalanya dari rukuk, maka tidak dikira sujud itu sehingga dia berdiri tegak.

Syarat-syarat I'tidal adalah seperti berikut:

- 1- Tidak diniatkan berdiri dari rukuk untuk tujuan yang lain dari I'tidal.
- 2- Berhenti seketika semasa I'tidal. Sekurang-kurangnya diam seketika selepas satu pergerakan.
- 3- Tidak memanjangkan tempoh berdiri semasa I'tidal dengan terlalu lama iaitu melebihi dari kadar tempoh bacaan surah al Fatihah, kerana ia adalah rukun yang pendek dan tidak boleh memanjangkannya.

**7. Dua sujud pada setiap rakaat**

Syarat-syarat sujud adalah seperti berikut:

- 1- Membuka bahagian dahi ketika menyentuh tanah (tempat sujud).
- 2- Bersujud dengan tujuh anggota: dahi, dua tangan, dua lutut dan jari-jari kaki.
- 3- Meninggikan bahagian bawah anggota badan dari bahagian atas, sekadar yang termampu kerana mengikut perbuatan nabi saw.
- 4- Tidak sujud di atas pakaian labuh yang bersambung dengannya di mana ia kan turut bergerak bersama pergerakannya.
- 5- Tidak diniatkan perbuatan sujudnya untuk tujuan yang lain seperti takut dari sesuatu dan seumpamanya.

**8. Duduk antara dua sujud**

Syarat-syarat sahnya adalah dengan memelihara perkara berikut:

- 1- Berniat dengan duduknya itu untuk ibadat dan tidak ada tujuan lain seperti takut dari sesuatu dan seumpamanya.
- 2- Tidak memanjangkan tempoh duduk itu terlalu lama iaitu melebihi dari kadar tempoh sekurang-kurang bacaan tasyahud.
- 3- Berhenti seketika semasa duduk. Sekurang-kurangnya diam seketika selepas satu pergerakan.

**٦. الاعتدال**

وهو وقوف يفصل الركوع عن السجود. إذا رفع رأسه من الركوع، لم يعتبر السجود حتى يستوي قائما.

ويشترط في الاعتدال ما يلي:

- أ) أن لا يقصد بالرفع من الركوع شيئا آخر غير الاعتدال
- ب) أن يطمئن في اعتداله، وأقله سكون بعد الحركة.
- ج) أن لا يطيل الوقوف فيه تطويلا فاحشا، بأن يزيد على مدة قراءة الفاتحة، لأنه ركن قصير، لا يجوز تطويله.

**٧. السجستان في كل ركعة**

ويشترط في السجود الأمور الآتية:

- أ) أن تكشف الجبهة عند ملامستها الأرض.
- ب) أن يكون السجود على سبعة أعضاء: الجبهة واليدين والركبتين وأطراف القدمين.
- ج) أن ترتفع أسافلها على أعلى، ما أمكن ذلك، اتباعا لفعله ﷺ.
- د) أن لا يسجد على ثوبه متصل به بحيث يتحرك بحركته.
- هـ) أن لا يقصد بالسجود شيئا آخر غير كخوف من شيء، ونحوه.

**٨. الجلوس بين السجستان**

ويشترط لصحته مراعاة الأمور الآتية:

- أ) أن يقصد بجلوسه العبادة، ولا يحمله شيء آخر كخوف ونحوه.
- ب) أن لا يطوله تطويلا فاحشا بحيث يزيد عن مدة أقل التشهد.
- ج) الطمأنينة ، وأقلها سكون بعد الحركة.

**9. Duduk terakhir**

Maksud “duduk terakhir” ialah duduk di akhir rakaat solat yang mana selepasnya diikuti dengan salam.

**10. Membaca tasyahud akhir ketika duduk terakhir**

Bacaan tasyahud yang lengkap:

*“Segala penghormatan yang berkat dan solat yang baik adalah untuk Allah. Sejahtera atas engkau wahai Nabi dan rahmat Allah serta keberkatanNya. Sejahtera ke atas kami dan atas hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahwasanya tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu pesuruh Allah / hamba dan rasulNya.”*

**11. Selawat ke atas nabi saw selepas bacaan tasyahud akhir.**

Hendaklah membaca pada duduk terakhir selepas selesai membaca

(اللهم صل على محمد)

*“Ya Allah, anugerahkanlah kesejahteraan atas Muhammad”*

**12. Salam yang pertama**

Orang yang solat mengucapkan: (السلام عليكم), Inilah salam yang paling ringkas.

Salam yang paling sempurna : (السلام عليكم ورحمة الله) : dua kali, salam pertama sebelah kanannya dan salam kedua di sebelah kirinya.

**13. Tertib susunan rukun-rukun ini mengikut kedudukannya (daripada awal hingga akhirnya).**

Tertib susunan tersebut ialah dimulakan dengan niat beserta takbirtul ihram, membaca al fatihah, rukuk, l'tidal, sujud ... begitulah seterusnya. Tertib ini adalah wajib sehingga antara tasyahud akhir dan selawat ke atas nabi saw juga perlu dilakukan mengikut tertibnya.

**٩. الجلوس الأخير**

يقصد به الجلوس الذي يكون في آخر ركعة من ركعات الصلاة بحيث يعقبه السلام.

**١٠. التشهد في الجلوس الأخير**

قراءة الشهاد، وأكمله :

التحيات المباركات الصلوات الطيبات لله ، السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته ، السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين ،أشهد أن لا إله إلا الله ، وأشهد أن محمد رسول الله / عبده ورسوله .

**١١. الصلاة على النبي ﷺ بعد التشهد الأخير**

أن يقول في الجلوس الأخير بعد الفراغ من الشهاد:

اللهم صل على محمد

**١٢. التسلية الأولى**

وهي أن يقول المصلي : "السلام عليكم". هذا أقله.

وأكمله أن يقول: "السلام عليكم ورحمة الله" مرتين الأولى عن يمينه والأخرى عن شماليه.

**١٣. ترتيب هذه الأركان حسب ورودها**

وذلك بأن يبدأ بالنية وتكبيرة الإحرام، ثم بالفاتحة، ثم الركوع، فالاعتدل، فالسجود

... وهكذا، والترتيب واجب حتى بين التشهد الأخير والصلاحة على النبي ﷺ

**سن الصلاة****سن الأبعاض والهيئات**

لصلاة أمر يسن للمصلي فعلها، وتنقسم إلى نوعين: أبعاض ، وهيات.

**سن الأبعاض**

فالأبعاض كل ما يجبر تركه بسجود السهو في آخر الصلاة، عمداً كان أم سهواً.

**١. التشهد الأول**

التشهد في الجلوس الذي لا يعقبه سلام، وهو الجلوس الذي يكون في الركعة الثانية في صلاة الظهر والعصر والمغرب والعشاء فيسن التشهد فيه.

**٢. الصلاة على النبي ﷺ عقب التشهد الأول****٣. الجلوس للتشهد الأول**

٤. الصلاة على آل النبي ﷺ بعد التشهد الأخير الذي هو ركن

٥. القنوت في الاعتدال من الركعة الثانية في صلاة الصبح وفي آخر ركعة من الوتر في النصف الثاني من رمضان أي من ليلة السادسة عشرة منه إلى آخره.

**سن الهيئات**

والمهيات كل ما لا يجبر تركه بسجود السهو. فهي أقل من سن الأبعاض رتبة.

**وسن الهيئات كثيرة، منها:****١. رفع اليدين**

وكيفية أدائه أن يرفع كفيه مستقبلاً بحاجة قبلة، منشورتي الأصابع، معاذباً بإيمانه لشحومي الأذنين، على أن تكون كفاه مكشوفتين.

**Perkara Sunat Solat****Sunat Ab'ad dan sunat Haiat**

Solat mempunyai perkara-perkara yang sunat dilakukan oleh orang yang solat. Ia terbahagi kepada dua jenis: Sunat Ab'ad dan sunat Haiat

**Sunat Ab'ad**

Setiap perkara yang dituntut sujud sahwinya di akhir solat jika meninggalkannya dengan segaja atau terlupa.

**1. Membaca tasyahud pertama**

Tasyahud ketika duduk yang tidak diakhiri dengan salam iaitu duduk pada rakaat kedua solat Zohor, Asar, Maghrib dan Isya'. Disunnatkan membaca tasyahud semasa duduk tersebut.

**2. Selawat ke atas nabi saw selepas tasyahud pertama****3. Duduk tasyahud pertama****4. Selawat ke atas keluarga nabi saw selepas tasyahud akhir yang merupakan rukun solat****5. Membaca doa qunut ketika l'tidal pada rakaat kedua solat Subuh dan pada rakaat terakhir solat witir pada separuh kedua bulan Ramadan iaitu malam ke 16 hingga akhir Ramadan.****Sunat Haiat**

Setiap perkara yang tidak dituntut sujud sahwinya (di akhir solat) jika meninggalkannya. Kedudukannya adalah lebih rendah daripada sunat Ab'ad

Sunat Haiat itu banyak, antaranya :

**1. Mengangkat dua tangan**

Cara melakukannya : Mengangkat dua tapak tangan menghadap kiblat, meluruskan jari-jari, ibu jarinya dalam keadaan sejajar dengan dua cuping telinga dan dibuka kedua telapak tangannya.

Mengangkat dua tangan adalah disunatkan pada 4 tempat :

1. Ketika takbiratul ihram
2. Ketika turun untuk rukuk
3. Ketika bangun daripada rukuk
4. Ketika bangun daripada tasyahud pertama

## 2. Meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri

Caranya : Tangan kanan menggenggam pergelangan tangan kiri dan sebahagian lengan kirinya serta bersentuhan dengannya. Meletakkan jari-jari kanan di sekeliling pergelangan (tangan kiri). Kedua-dua tangan itu berada di bawah dada dan di atas pusat.

## 3. Melihat ke arah tempat sujud

Disunatkan sentiasa melihat ke tempat sujud kecuali ketika membaca tasyahud pada perkataan (إِلَّا اللَّهُ) sehingga memberi salam, maka disunatkan melihat ke arah jari telunjuk setelah diangkat jari tersebut sehingga lah memberi salam.

### \*\* Renungan

Daripada 'Aisyah r.ha berkata : "Aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w. perihal menoleh di waktu mengerjakan solat". Baginda s.a.w. lalu bersabda : "Itulah suatu sambaran cepat yang dilakukan syaitan untuk menggoda ketika seorang hamba itu sedang solat". (hadis riwayat Bukhari)

## 4. Membaca doa iftitah

Dimulakan solat selepas takbiratul ihram dengan doa iftitah secara perlahan walaupun pada solat bacaan nyaring. Perkara ini disunatkan kepada orang yang solat sendirian, imam dan maknum, walaupun imam mula membaca al Fatihah.

### Syarat-syaratnya:

1. Ianya dilakukan selepas takbiratul ihram sebelum mula membaca ta'awwuz (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) atau membaca surah al fatihah. Apabila telah mula membaca kedua-duanya atau salah satu daripada keduanya sebelum membaca doa iftitah sekalipun lupa maka tidak dikira kerana telah luput tempatnya.

رفع اليدين يسن في أربع مواضع:

- ١) عند تكبيرة الإحرام
- ٢) عند الموى للركوع
- ٣) عند الرفع من الركوع
- ٤) عند القيام من التشهد الأول

## ٢. وضع اليد اليمنى على اليسرى

وذلك بأن يقبض بيضنه كوع يساره وبعض ساعده ورسغه وأن تكون أصابع اليمنى حول المفصل ويكونا تحت صدره فوق سرتة.

## ٣. النظر إلى موضع السجود

يسن النظر إلى موضع السجود دائما إلا عند قوله في التشهد : "إِلَّا اللَّهُ" حتى السلام. فيسن النظر إلى المسبيحة بعد رفعها إلى السلام.

### \*\* التذكرة

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْإِلْتِفَاتِ فِي الصَّلَاةِ فَقَالَ هُوَ اخْتِلَاسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ". (رواه البخاري)

## ٤. دعاء الافتتاح

افتتاح الصلاة بعد التكبير بدعاء التوجه سرا ولو في الصلاة الجهرية، للمنفرد وللإمام وللمأموم، وإن شرع إمامه في الفاتحة.

### وفيء شروط :

أ) أن يكون عقب تكبيرة الإحرام قبل أن يشرع في التعوذ، أو القراءة. فإذا شرع بهما أو بأحدهما قبله ولو سهوا، لم يعد إليه لفوات حمله.

2. Tidak bimbang habisnya waktu solat. Jika masa yang ada tidak mencukupi untuk satu rakaat, maka tidak sunat membacanya. Sekiranya masa yang ada mencukupi untuk satu rakaat, maka sunat membacanya.
3. Makmum tidak bimbang boleh menghabiskan bacaan surah al Fatihah. Sekiranya bimbang tidak dapat menghabiskan Fatihahnya, maka tidak sunat membaca doa tersebut.

#### **5. Membaca isti'azah selepas doa iftitah**

Isti'azah ialah menyebut (أعوذ بالله من الشيطان الرجيم). Ianya dibaca terlebih dahulu sebelum membaca al Fatihah. Apabila telah mula membaca al Fatihah sebelum membaca ta'aawuz, maka gugurlah hukum membacanya dan makruh mengulanginya.

#### **6. Membaca dengan suara nyaring pada tempatnya dan membaca dengan suara perlahan pada tempatnya**

Tempat-tempat sunat menyaringkan bacaan ialah dua rakaat solat Subuh, dua rakaat pertama solat Maghrib dan Isyak, solat Jumaat, solat dua hari raya, solat gerhana bulan, solat minta hujan, solat Terawih dan solat Witir di bulan Ramadan. Ini untuk bacaan imam dan orang yang solat sendirian. Disunatkan membaca dengan perlahan selain daripada solat tersebut.

#### **7. Membaca Amin selepas selesai membaca surah al Fatihah**

Menyebut perkataan "Amin" selepas selesai bacaan (ولَا الضَّالِّينَ). Membaca Amin adalah sunat bagi setiap orang yang solat. Dinyaringkan bacaannya pada solat yang dinyaringkan bacaan. Diperlahankan bacaannya pada solat yang bacaannya perlahan. Makmum menyaringkan bacaannya kerana mengikut imam. Maksud perkataan "Amin" ialah Ya Allah, perkenakanlah doa kami.

#### **8. Membaca mana-mana ayat al Quran selepas surah al Fatihah**

Tempat disunatkan membacanya ialah dua rakaat pertama sahaja pada setiap solat sama ada bagi imam atau solat bersendirian. Sunat membaca surah itu mengikut susunan al Quran.

- ب) ألا يخاف فوات وقت الأداء. فلو بقي ما لا يسع ركعة، لم يسن الإتيان به. وأما لو بقي من الوقت ما يسعه ويسع ركعة، فتنس قراءته.
- ج) ألا يخاف المأمور فوات بعض الفاتحة. فإن خاف ذلك، لم يسن له.

#### **٥. الاستعاذه بعد التوجه**

وهي أن يقول : "أعوذ بالله من الشيطان الرجيم". يبدأ بها قبل قراءة الفاتحة، فإذا شرع في قراءة الفاتحة قبل أن يستعيد، فاتت الاستعاذه وكره أن يعود إليها.

#### **٦. الجهر بالقراءة في موضعه، والإسرار في موضعه**

والمواضع التي يسن فيها الجهر بالقراءة هي: ركعتان صلاة الفجر، والركعتان الأوليان من المغرب والعشاء، وصلاة الجمعة، والعيددين، وخشوف القمر، وصلاة الاستسقاء، والتراويح، ووتر رمضان، وذلك بالنسبة للإمام والمنفرد فقط. ويسن الإسرار فيما عدا ذلك.

#### **٧. التأمين بعد انتهاء الفاتحة**

وهو أن يتبع بعد انتهاء قراءة ﴿ وَلَا الضَّالِّينَ ﴾ بكلمة "آمين". والتأمين سنة لكل مصل في كل صلاة، يجهر بها في الجهرية، ويسر بها في السرية، ويجهر بها المأمور تبعا للإمام. ومعنى آمين : استجب يا رب.

#### **٨. قراءة شيء من القرآن بعد الفاتحة**

وتتحقق السنة بقراءة سورة من القرآن مهما قصرت، أو بقراءة ثلاث آيات متواتيات. موضع استحبابها الركعتان الأوليان فقط من كل صلاة، بالنسبة للإمام، والمنفرد مطلقا. ويسن كون القراءة على ترتيب المصحف.

## 9. Takbir ketika berpindah rukun

Iaitu 5 kali takbir dalam setiap rakaat: ketika turun untuk rukuk, ketika turun untuk dua sujud, ketika selepas dua sujud dan ketika bangun selepas membaca tasyahud pertama. Tidak disunatkan bertakbir ketika bangun dari rukuk, tetapi sunat mengantikannya dengan menyebut:

(سمع الله لمن حمده، ربنا لك الحمد).

### \*\* Renungan

Dari Rifa'ah bin Raafi' al-Zarqi r.a berkata : "Pada suatu hari, kami solat dibelakang Nabi SAW. Ketika Rasulullah saw mengangkat kepalanya dari rukuk, baginda berkata : (سمع الله لمن حمده), lalu berkata seorang lelaki di belakang baginda berkata : (سمع الله لمن حمده). Setelah Rasulullah saw selesai solatnya, baginda bertanya : Siapa yang berkata tadi?". Lelaki itu menjawab : "Saya". Rasulullah bersabda : "Aku melihat tiga puluh orang lebih malaikat yang berebut-rebut untuk menjadi yang terawal menulis amalnya".

(Hadis riwayat Bukhari)

## 10. Bertasbih ketika rukuk dan sujud<sup>1</sup> secara perlahan

**Caranya :** Membaca ketika sedang rukuk (سبحان رب العظيم وبحمده) sebanyak 3 kali. Ini adalah bentuk yang paling minimum sempurnanya. Sekiranya lebih daripada 3 kali, itu adalah lebih baik kecuali bagi imam, maka dia hendaklah meringkaskannya sebanyak 3 kali sahaja supaya tidak terasa lama oleh orang ramai (maknum).

## 11. Meletakkan dua tangan di atas pangkal paha ketika duduk tasyahud

**Caranya :** Meletakkan tangan kiri dengan merapatkan jari-jari di mana hujung setiap jari berada di pangkal lutut. Kemudian digenggam tangan kanan kecuali jari *musabbihah* yang dinamakan juga sebagai jari telunjuk. Jari tersebut dalam keadaan rendah ketika membaca tasyahud dari awalnya sehingga sampai kepada perkataan (إلا الله) dengan mengangkat jari itu sebagai simbol tauhid. Disunatkan terus mengangkatnya tanpa digerak-gerakkan sehingga selesai solat.

## ٩. تكبيرات الانتقالات

هي التكبيرات الخمس في كل ركعة: عند الهوى للركوع، عند الخفاض للسجودين، وعند الرفع منها، وعند القيام عن التشهد الأول. ولا يسن التكبير عند الرفع من الركوع ولكن يسن بدلا منه قول: "سمع الله لمن حمده، ربنا لك الحمد".

### \*\* التذكرة

عن رفاعة بن رافع الزرقى رضي الله عنه قال: كنا يوما نصلى وراء النبي ﷺ : "فَلِمَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرَّكْعَةِ، قَالَ: "سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ". قَالَ رَجُلٌ وَرَاءَهُ: رَبُّنَا لَكَ الْحَمْدُ، حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مَبَارَكًا فِيهِ. فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ: مَنِ الْمُتَكَلِّمُ؟ قَالَ: أَنَا. قَالَ: رَأَيْتَ بَضْعَةً وَثَلَاثَيْنِ مُلْكًا يَبْتَدِرُونَنَا، أَيْهُمْ يَكْتَبُهَا أَوْلَى. (رواه البخاري)

## ١٠. التسبيح عند الركوع والسجود سرا

وكيفية ذلك أن يقول إذا استقر راكعا: "سبحان رب العظيم وبحمده" ثلث مرات. وهذا أدنى درجات الكمال، فإن زاد على الثلث كان أفضل إلا للإمام فإنه يقتصر على ثلاثة مرات لئلا يطول على الناس.

## ١١. وضع اليدين على أول الفخذين في جلستي التشهد

وكيفية ذلك أن يسط اليسرى، مع ضم الأصابع إلى بعضها، بحيث تكون رؤوس الأصابع مسامته لأول الركبة، ويقبض يده اليمنى إلا الأصبع المسبحة، وهي التي تسمى السباقة، فإنه يمدها منخفضة عند أول التشهد حتى إذا وصل إلى قوله: "إلا الله" ، أشار بها، إلى التوحيد ورفعها. ويسن أن تبقى مرفوعة دون أن يحركها إلى آخر الصلاة.

<sup>1</sup> Bacaan ketika sujud (سبحان رب الأعلى وبحمده) sebanyak 3 kali

**11. Duduk tawarruk ketika duduk tasyahud akhir dan duduk iftirasy pada selainnya.**

Duduk tawarruk ialah seseorang yang solat duduk di atas punggung kirinya dan ditegakkan kaki kanan, diletakkan kaki kiri di bawah kaki kanan

Duduk iftirasy ialah seseorang yang solat duduk di atas buku lali kaki kiri dan ditegakkan kaki kanannya dengan hujung jarinya menyentuh lantai

**13. Membaca selawat Ibrahimiah kemudian membaca doa selepas tasyahud akhir**

*Ya Allah, anugerahkanlah kesejahteraan atas Muhammad dan keluarga Muhammad. Seperti yang Engkau telah anugerahkan kesejahteraan atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Dan berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad. Seperti yang Engkau telah berkatni Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Tinggi*

**14. Memberi salam kedua**

Sunat menambahkan satu salam lagi selepas salam pertama dengan berpaling ke sebelah kiri

**15. Berada dalam keadaan khusyu' sepanjang solat**

Khusyu' ialah menghadirkan hati, tenang anggota badan, menghayati bacaan dan zikir-zikir.

**١٢. التورك في الجلسة الأخيرة والافتراض في غيرها.**

التورك : هو أن يجلس المصلي على وركه الأيسر، وأن ينصب رجله اليمنى، ويخرج الرجل اليسرى من تحتها.

والافتراض : هو أن يجلس المصلي على كعب رجله اليسرى وينصب رجله اليمنى على رؤوس أصابعها.

**١٣. الصلوات الإبراهيمية ثم الدعاء بعد التشهد الأخير**

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد كما صليت على آل إبراهيم وبارك على محمد وعلى آل محمد كما باركت على آل إبراهيم في العالمين إنك حميد مجيد

**٤. التسلية الثانية**

يسن أن يضيف بعد التسلية الأولى تسلية أخرى، ملتفتا إلى جهة اليسار.

**٥. التزام الخشوع في سائر الصلاة**

والخشوع هو حضور القلب وسكن الجنوح وتدارب القراءة والأذكار.

## Perkara yang membatalkan solat

Solat terbatal apabila seseorang itu melakukan salah satu daripada perkara berikut :

### 1. Bercakap dengan sengaja

Bercakap yang membatalkan solat ialah bercakap sesuatu selain daripada al Quran, zikir dan doa. Solat itu terbatal dengan bercakap sesuatu yang terdiri daripada dua huruf atau lebih, walaupun tidak difahami maksudnya atau ianya terdiri daripada satu huruf yang boleh difahami maksudnya.

Contoh: kata perintah daripada perkataan (الواقية) (ق)

(ع) daripada perkataan (الوعي) hati-hati

(الوفاء) (ف) daripada perkataan

### \*\* Renungan

Daripada Muawiyah bin al Hakam r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: "Sesungguhnya solat ini tidak boleh padanya ada perkataan manusia (tidak boleh berkata-kata). Sesungguhnya yang disebut hanyalah tasbih, takbir dan bacaan Al-Qur'an".  
(Hadis riwayat Muslim)

### 2. Pergerakan yang banyak dan berturut-turut

Iaitu perbuatan yang menyalahi peraturan solat dengan syarat pergerakan itu banyak dan berturut-turut dengan anggota yang besar, kerana ia bertentangan dengan peraturan solat. Ukuran pergerakan itu banyak ialah tiga kali pergerakan atau lebih. Ukuran berturut-turut ialah adat masyarakat setempat menganggap perbuatan itu sebagai berturut-turut, maka solat akan terbatal dengan sebab pergerakan tersebut.

### 3. Menemui najis di pakaian, badan atau tempat solat

Maksud "Menemui najis" ialah terkena sebahagian daripada najis, kemudian orang yang solat itu tidak membuangnya dengan segera. Maka ketika itu solat tersebut telah batal, kerana ia bertentangan dengan salah satu syarat solat iaitu suci bandan, pakaian dan tempat daripada najis. Jika terkena najis dengan sebab angin atau seumpamanya dan boleh dibuang dengan segera dalam keadaan najis itu kering, maka solat tidak batal.

## مبطلات الصلاة

تبطل الصلاة إذا تلبس المصلي بإحدى الأمور التالية :

### ١- الكلام العمد

الكلام المبطل للصلاة هو ما عدا القرآن والذكر والدعاء. وإنما يبطلها الكلام ما كان مؤلفاً من حرفين فصاعداً، وإن لم يفهم منه معنى، أو كان حرفًا واحدًا إذا كان له معنى، مثل الكلمة (ق) أمراً من الواقعية، و (ع) من الوعي، و (ف) من الوفاء.

### \* التذكرة

عن معاوية بن الحكم رضي الله عنها قال : قال رسول الله ﷺ : إن هذه الصلاة لا يصلح فيها شيء من كلام الناس. إنما هو التسبيح والتكبير وقرآن والتكبير وقراءة القرآن.  
(رواه مسلم)

### ٢- العمل الكثير المتواتي

هو الفعل المخالف للصلاة بشرط أن يكثر ويتوالى ببعضه ثقيل؛ لأنه يتنافى مع نظام الصلاة، وضابط الكثرة ثلاثة حركات فصاعداً، وضابط الموالاة أن تعدد الأعمال متتابعة بالعرف، فإن الصلاة تبطل بها.

### ٣- ملاقاة نجاسة لثوب أو بدن أو مكان

والمقصود باللاقاة هي أن تصيب النجاسة جزءاً منها، ثم لا يبادر المصلي إلى إلقاءها فوراً. فعندئذ تبطل الصلاة، لأنها يتنافى مع شرط من شروط الصلاة، وهو الطهارة البدن والثوب والمكان من النجاسة. فإن أصابته النجاسة بإلقاء ريح أو نحوه وتمكن من إلقائها عنه فوراً، بأن كانت يابسة؛ لم تبطل صلاته.

#### 4. Terbuka sebahagian daripada aurat

Sekiranya terbuka aurat orang yang sedang solat dengan tidak sengaja : lalu dia bersegera menutupnya, maka tidak batal solatnya. Jika tidak berbuat demikian maka batal solatnya kerana hilangnya satu syarat daripada syarat-syaratnya pada mana-mana bahagian solat.

#### 5. Makan atau Minum

Batal solat dengan sebab makan atau minum secara sengaja kerana keduanya bertentangan dengan bentuk dan peraturan solat.

Makan atau minum tanpa sengaja : disyaratkan ianya banyak mengikut adat setempat. Termasuk kadar makanan yang membatalkan solat ialah jika di mulutnya terdapat sekutu gula dan gula itu cair lalu ditelan cairan tersebut.

#### 6. Berhadas sebelum salam pertama

Tidak ada perbezaan sama ada berhadas itu sengaja atau lupa kerana hilangnya suci daripada hadas yang merupakan satu syarat daripada syarat-syarat solat. Sekiranya berhadas selepas salam pertama dan sebelum salam kedua, maka telah sempurna solatnya yang sah.

#### 7. Berdehem, ketawa, menangis dan mengerang jika jelas kedengaran dua huruf atau lebih.

Kadar ukuran 4 perkara ini yang boleh membatalkan solat : Jelas kedengaran bunyi dua huruf sekalipun tidak difahami. Jika ianya sedikit iaitu hanya kedengaran bunyi satu huruf atau tidak kedengaran bunyi apa-apa huruf, maka tidak batal solat. Semua ini jika ianya bukan terpaksa iaitu sengaja melakukan perkara tersebut. Namun apabila terpaksa berbuat demikian kerana dijangkiti selsema atau tidak dapat menahan ketawa, maka solatnya tidak batal. Senyum (ketika solat) tidak batal solat. Zikir dan doa apabila dengan niat untuk bercakap pada seseorang, maka batal solatnya seperti orang yang solat berkata kepada seseorang: (يرحمك الله) ketika itu ianya dikira daripada kata-kata manusia.

#### ٤- انکشاف جزء من العورة

إن انكشفت عورة المصلي بدون قصد: فإن أسرع فسترها فوراً، لم تبطل، وإن بطلت، لفقدان شرط من شروطها في جزء من أحزائها.

#### ٥- الأكل أو الشرب

تبطل الصلاة بالأكل أو الشرب عمداً؛ لأنهما يتنافيان مع هيئة الصلاة ونظامها. أما بالنسبة لغير المعمد، فيشترط أن يكون كثيراً في العرف. ويدخل في حد الطعام المبطل للصلاة ما لو كان في فمه سكرة فذاب شيء منها في فمه، فبلغ ذلك الذوب.

#### ٦- الحدث قبل التسلية الأولى

لا فرق بين أن يكون ذلك عمداً أو سهواً، لفقدان الطهارة وهي شرط من شروط الصلاة. أما إن أحدث بعد التسلية الأولى وقبل الثانية، فقد ثبت صلاته صحيحـة.

#### ٧- التتحنج والضحك والبكاء والأنين إن ظهر بكل من ذلك حرفان

فضابط إبطال هذه الأمور الأربعـة للصلـاة: أن يظهرـ فيـه حـرفـانـ، وإن لم يـكونـا مـفـهـومـينـ. أما إنـ كـانـ قـليـلاـ، بـحيـثـ لمـ يـسمـعـ فـيـهـ إـلـاـ حـرـفـ وـاحـدـ، أوـ لمـ يـظـهـرـ فـيـهـ أيـ حـرـفـ، لمـ تـبـطـلـ. هـذـاـ إـذـاـ لمـ يـكـنـ مـغـلـوـبـاـ عـلـىـ أـمـرـهـ، بـأـنـ تـعـدـ ذـلـكـ. أما إـذـاـ غـلـبـ عـلـيـهـ، بـأـنـ فـاجـأـهـ السـعالـ أوـ غـلـبـ عـلـيـهـ الضـحـكـ، لمـ تـبـطـلـ صـلـاتـهـ. أما الـبـسـمـ، فـلاـ تـبـطـلـ بـهـ الصـلـاـةـ. وـأـمـاـ الذـكـرـ وـالـدـعـاءـ إـذـاـ قـصـدـ بـهـ مـخـاطـبـةـ النـاسـ، فـإـنـهاـ تـبـطـلـ، كـمـاـ قـالـ لـإـنـسـانـ: يـرـحـمـكـ اللـهـ؛ لـأـنـهـ يـعـتـيرـ عـنـدـئـذـ مـنـ كـلـامـ النـاسـ.

٨- تغيير النية

## 8. Berubah niat

Seseorang yang ingin keluar daripada solat atau dikaitkan keluarnya daripada solat dengan sesuatu perkara seperti datangnya seseorang dan seumpamanya, maka solatnya terus terbatal dengan hanya timbulnya niat tersebut.

## 9. Mengalihkan dada dari mengadap kiblat

Mengadap kiblat adalah syarat utama solat. Apabila orang yang solat berpaling dari mengadap kiblat sama ada dengan sengaja atau ditarik oleh seseorang, maka solatnya terus terbatal. Ketika dalam keadaan terpaksa, maka solatnya tidak batal kecuali apabila dia terus kekal seketika dalam keadaan tersebut (membelakangi kiblat). Jika dia terus kembali mengadap kiblat dengan segera, maka solatnya tidak batal. Berterusan kekal (tidak mengadap kiblat) atau tidak itu adalah ditentukan oleh adat/kebiasaan masyarakat setempat.

### Sujud sahwī

Sujud sahwī ialah dua sujud selepas tasyahud akhir dan sebelum salam. Disyariatkan Sujud sahwī sebagai menampung kekurangan yang berlaku dalam solat sama ad fardū atau sunat dan sebagai merendahkan syaitan. Hukumnya sunat ketika berlaku salah satu dari sebab-sebanya yang kita akan dikupaskannya nanti. Sekiranya tidak sujud sahwī maka tidaklah batal solat.

### Sebab-sebab sujud sahwī

1. Seseorang yang solat itu meninggalkan sebahagian daripada sunat-sunat solat yang Ab'ad seperti tasyahud pertama dan doa qunut.
2. Syak/ragu-ragu bilangan rakaat

Hendaklah mengambil bilangan yang sedikit dan disempurnakan baki rakaat kemudian sujud sahwī sebagai menampung kemungkinan ada kekurangan dalam solatnya. Jika dia syak adakah dilakukan solat Zohor itu tiga atau empat rakaat, maka hendaklah di tambah satu rakaat lagi kemudian sujud dua kali sebelum memberi salam.

وهو أن يعزّم المصلّى على الخروج من الصلاة، أو يعلق خروجه منها على أمر، كمجيء شخص ونحوه، فإن صلاته تبطل. مجرد طرؤه هذا القصد عليه.

٩- إعراض الصدر عن القبلة

استقبال القبلة شرط أساسی من شروط الصلاة، فإذا أعرض المصلّى عن القبلة سواء تعمد ذلك أو حرّه شخص، تبطل الصلاة فوراً. وفي حالة الإكراه، لا تبطل صلاته إلا إذا استقر مدة وهو مستدير لها. فإن استدار إلى القبلة بسرعة لم تبطل صلاته. والاستقرار وعدمه يحددهما العرف.

سجود السهو

سجود السهو هو السجدةتان بعد التشهد الأخير وقبل السلام. شرع سجود السهو حبرا للخلل الواقع في الصلاة فرضاً أو نفلاً وإرغاماً للشيطان. هو سنة عند حدوث سبب من أسبابه التي ستحدث عنها. فإن لم يسجد، لم تبطل صلاته.

أسباب سجود السهو

١. أن يترك المصلّى بعضاً من سنن أبعاض الصلاة كالتشهد الأول والقنوت.

٢. الشك في عدد الركعات:

فيفرض العدد الأقل، ويتم الباقي ثم يسجد للسهو، حبرا لاحتمال أنه قد ينقص في صلاته. فلو شك هل هو صلی الظهر ثلاثة أو أربعاً، فيأتي برکعة ثم يسجد سجدين قبل أن يسلم.

**\*\* Renungan**

Daripada Ata' bin Yasar r.a, bahawa Rasulullah saw bersabda : "Apabila ragu salah seorang daripada kamu dalam shalatnya maka hendaklah tambah satu rakaat kemudian dia sujud dua kali, sedangkan dia masih dalam keadaan duduk sebelum memberi salam".  
(hadis riwayat Abu Daud)

3. Melakukan perbuatan yang dilarang kerana terlupa, yang mana batal solat apabila dilakukan dengan sengaja.

Jika seseorang bercakap dengan beberapa perkataan yang sedikit atau mendarangkan satu rakaat tambahan secara terlupa, kemudian tersedar tentang perkara tersebut ketika masih dalam solat, maka hendaklah dia sujud sahwai.

4. Memindahkan mana-mana perbuatan solat sama ada rukun, sunat Ab'ad atau surah ke tempat yang salah ketika masih dalam solat.

Contohnya: seseorang yang solat membaca al Fatihah ketika duduk tasyahud, membaca doa qunut ketika rukuk atau membaca surah yang disunatkan membacanya selepas al Fatihah ketika l'tidal, maka disunatkan sujud sahwai di akhir solatnya kerana melakukan perkara tersebut.

**Cara sujud sahwai dan tempatnya**

Sujud sahwai adalah dua sujud seperti sujud-sujud solat yang lain. Seseorang yang solat berniat untuk sujud sahwai<sup>2</sup> dan tempatnya di akhir solatnya sebelum salam. Jika seseorang yang solat itu memberi salam sebelum sujud sahwai secara sengaja atau lupa dan tempoh perpisahan itu lama, maka hilanglah sunat sujud tersebut. Sekiranya perpisahan tersebut pendek maka bolehlah dia melakukan sujud sebanyak dua kali dengan niat sujud sahwai kemudian memberi salam sekali lagi.

<sup>2</sup> Bacaannya: [سُبْحَانَ رَبِّنَا مَنْ لَا يَتَأْمُ وَلَا يَسْهُوْ]

"Maha Suci Allah yang Tidak Tidur dan Tidak Lupa"

**\*\* التذكرة**

عن عطاء بن يسار رضي الله عنه أن رسول الله ﷺ قال: إذا شك أحدكم في صلاتة، فليصل ركعة ويسلام سجدة قبل حالس قبل التسليم.  
(رواه أبو داود)

٣. ارتكاب فعل منهي عنه سهو، إذا كان يبطل عمده الصلاة.  
إذا تكلم بكلمات قليلة أو أتى برائحة زائدة سهو، ثم تنبه إلى ذلك وهو في الصلاة، فيسجد للسهو.

٤. نقل شيء من أفعال الصلاة ركناً كان أو بعضاً أو سورة، نقلها إلى غير محلها، وهو القيام:  
مثاله: قرأ المصلي الفاتحة في جلوس التشهد، أو قرأ القنوت في الركوع، أو قرأ السورة التي تسن قراءتها بعد الفاتحة في الاعتدال، فيحسن أن يسجد لذلك سجدة السهو في آخر الصلاة.

**كيفية السجود ومحله**

سجود السهو سجدة الصلاة، أن ينوي بما المصلي سجود السهو، ومحله آخر صلاتة قبل السلام؛ فلو سلم المصلي قبل السجود عامداً أو ناسيماً وطال الفصل؛ فات السجود، وإن قصر الفصل فله أن يتدارك السجود بأن يسجد مرتين بنية السهو ثم يسلم مرة أخرى.

**سجود التلاوة**

يسن للقارئ داخل الصلاة وخارجها، وللمستمع خارج الصلاة. وهو واجب على المأمور إن سجد إمامه. ويجب عليه الترك إن ترك الإمام. وإلا بطلت صلاته في الحالتين لأن سجود التلاوة سنة ومتابعة الإمام فرض.

**عدد سجادات التلاوة**

سجادات التلاوة في القرآن أربع عشر سجدة، وهي في السور التالية:

**سجدة في :**

1. Surah al A'raf	7 : 206	8. Surah as Sajdah	32 : 15
2. Surah ar Ra'd	13 : 15	9. Surah Fussilat	41 : 38
3. Surah an Nahl	16 : 50	10. Surah an Najm	53 : 62
4. Surah al Isra'	17 : 109	11. Surah al Insyiqaq	84 : 21
5. Surah Maryam	19 : 58	12. Surah al 'Alaq	96 : 19
6. Surah al Furqan	25 : 60	13. Surah al Haj	22 : 18
7. Surah an Naml	27 : 26	14. Surah al Haj	22 : 77

Ayat sajdah dalam surah Sad (38 :24) adalah sujud syukur bukannya sujud tilawah kerana sabda Rasulullah saw sepihiknya yang diriwayatkan oleh an Nasai : Pada ayat tersebut nabi Daud sujud sebagai tanda taubat dan kita sujud sebagai tanda syukur.

**Cara sujud Tilawah**

Sujud Tilawah itu boleh dilakukan di luar solat atau semasa solat. Caranya berbeza mengikut keadaannya:

**كيفية سجود التلاوة**

سجود التلاوة إما أن يكون خارج الصلاة وإما أن يكون أثناءها. وكيفية تختلف بحسب ذلك:

**Sujud tilawah**

1. Sekiranya sujud tilawah itu di luar solat, rukunnya ada 4 iaitu :
  - a. Niat
  - b. Takbiratul ihram dalam keadaan berdiri atau duduk.
  - c. Sujud tilawah : syarat-syaratnya adalah sebagaimana pada sujud solat.
  - d. Memberi salam pertama tanpa membaca tasyahud.
2. Sujud tilawah : Syarat-syaratnya adalah sebagaimana pada sujud solat. Sekiranya sujud tilawah itu dalam solat, maka orang yang solat sendirian dan imam wajib berniat (sujud tilawah) di dalam hati dan bagi makmum sunat niat (sujud tilawah) dan wajib ia mengikuti imam. Disunatkan bertakbir tanpa mengangkat tangan ketika turun untuk sujud dan naik daripada sujud. Apabila mengangkat kepala daripada sujud hendaklah terus berdiri dan tidak duduk istirahah (duduk sebentar) dan tidak perlu memberi salam.

### **Kepentingan khusyu' dalam solat**

Saudara dan saudari yang dikasihi,

Pada hari yang penuh keberkatan ini sukalah saya untuk memperkatakan tentang "Kepentingan khusyu' dalam solat".

Khusyu' ialah merendahkan diri, rasa kekurangan dan rasa tenang.

Firman Allah swt:

"Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, [1] (iaitu) orang-orang yang khusyu' dalam sembahyangnya [2]."

Sesungguhnya telah berjaya, bahagia dan beruntunglah orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dalam keadaan khusyu'

Khusyu' dalam solat ialah menghadirkan hati di dalam solat untuk mendekatkan diri kepada Allah swt, mengharapkan kasih sayang Allah dan takut akan balasanNya, mengharapkan pahala, merasakan hampir denganNya. Seterusnya hatinya akan tenang, jiwanya tenteram dan tenanglah pergerakannya.

Khusyu' adalah roh solat dan maksud utama daripada solat. Solat yang tidak khusyu' umpama mayat tanpa roh/nyawa.

١) إن كان خارج الصلاة، فأركانه أربعة هي :

أ. النية

ب. تكبيرة الاحرام قائماً أو قاعداً

ج. سجدة التلاوة ويشترط فيها كما في سجود الصلاة

د. التسليمة الأولى دون التشهيد.

٢) سجدة التلاوة ويشترط فيها كما في سجود الصلاة. إن كان أثناء الصلاة فينوي المنفرد والإمام وجوباً في القلب، وينوي المأموم ندباً، وتجب عليه المتابعة. ويستحب التكبير عند الهوى إلى السجود وعند الرفع منه دون رفع اليدين وإذا رفع رأسه من السجود قام، ولا يجلس للاستراحة، ولا يسلم.

### **أهمية الخشوع في الصلاة**

**أحبابي الإخوة والأخوات!**

في هذا اليوم المبارك أود أن أتكلم عن "أهمية الخشوع في الصلاة".

الخشوع هو الخضوع والتذلل والسكون، قال الله تعالى :

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاةٍ حَدِشُّونَ

[ المؤمنون ٦ : ٢٣]

أي قد فاز ويسعد ونجح المؤمنون المقيمون الصلاة الحاشعون في صلاتهم، والخشوع في الصلاة هو حضور القلب فيها بين يدي الله تعالى محبة وإجلالاً له وخوفاً من عقابه ورغبة في ثوابه مستحضرها لقربه، فيسكن لذلك قلبه وطمئن نفسه وتسكن حركاته. والخشوع هو روح الصلاة والمقصود الأعظم منها. فالصلاحة بلا خشوع كالميت بلا روح.

## Beberapa perkara yang menghalang khusyuk di dalam solat

1. Mengalihkan pandangan mata dari tempat sujud ketika solat.  
An Nasai meriwayatkan dalam kitab sunannya: bahawa Rasulullah saw bersabda: "Hendaknya kaum-kaum itu berhenti dari mengarahkan pandangan mereka ke langit ketika solat itu (dan bertaubat) atau disambar pandangan mereka itu (mata mereka dibutakan)."
2. Lalai ketika solat. Imam Bukhari meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda: "Allah swt sentiasa menerima hambaNya ketika ia sedang solat selama mana ia tidak menoleh. Jika ia menoleh maka Allah swt pun berpaling daripadanya".
3. Ragu-ragu di antara rukuk dan sujud
4. Solat dalam keadaan menahan diri membuang air kecil, air besar atau kentut kerana ianya menganggu hati seseorang ketika solat.
5. Solat ketika telah dihidangkan makanan kerana Rasulullah saw memerintahkan agar didahulukan makan malam sebelum solat Isyak kerana bimbang hilangnya khusyuk.
6. Bau tidak menyenangkan pada badan, pakaian atau selainnya.

## Hikmah disyariatkan solat

Allah swt telah memerintahkan hamba-hambaNya solat kerana ia mempunyai banyak hikmah dan faedah yang besar. Antaranya:

1. Menyedarkan manusia bahawa ia adalah hamba Allah swt
2. Solat akan mencegah daripada melakukan perkara keji dan mungkar
3. Solat menguatkan iman
4. Solat membuktikan sifat kehambaan kepada Allah swt
5. Solat adalah cahaya bagi orang yang melaksanakannya. Rasulullah saw bersabda : Solat itu adalah cahaya".  
(hadis riwayat Muslim)
6. Solat membersihkan diri dan menyucikan jiwa seterusnya membolehkan seseorang hamba bermunajat kepada Allah swt.

## بعض الأمور التي تمنع الخشوع في الصلاة

- ١) رفع البصر في الصلاة عن موضع السجود. روی النسائي في سننه: أن رسول الله ﷺ قال: "لَيَتَهِنَ أَقْوَامٌ عَنْ رُفْعِ أَبْصَارِهِمْ عِنْ دُعَائِهِمْ فِي الصَّلَاةِ إِلَى السَّمَاءِ أَوْ لَتُخْطَفَنَّ أَبْصَارُهُمْ".
- ٢) الالتفات في الصلاة. روی البخاري أن رسول الله ﷺ قال: "لَا يَزَالُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مُقْبِلاً عَلَى الْعَبْدِ وَهُوَ فِي صَلَاتِهِ مَا لَمْ يَلْتَفِتْ فَإِذَا التَّفَتَ انْصَرَفَ عَنْهُ".
- ٣) الإخلال بالركوع والسجود
- ٤) الصلاة حلقا بالبول أو حلقا بالغائط أو حارقا للريح لأنه يشغل قلب المصلي عن الصلاة.
- ٥) الصلاة بحضور الطعام لأن اشتئاهه يختل الخشوع لو قدم الصلاة عليه. وقد أمر الرسول ﷺ أن يقدم العشاء على العشاء، وإن يأكل ما يتوفّر معه خشوعه.
- ٦) كثرة العبث بيده أو ثوبه أو غيره.

## الحكمة في مشروعية الصلاة

لقد شرع الله تعالى لعباده الصلاة لما فيها من الحكم والفوائد العظيمة، فمن ذلك :

١. أن ينبه الإنسان إلى أنه عبد مملوك لله.
٢. الصلاة تنهى عن الفحشاء والمنكر
٣. الصلاة تقوى الإيمان
٤. في الصلاة تحقيق للعبودية لله تعالى.
٥. الصلاة نور لصحابها، قال الرسول ﷺ : والصلاحة نور. (رواه مسلم)
٦. الصلاة تطهر النفس وتزكيها، وتهل العبد امناجة الله تعالى.